



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bahagian Kewangan

Aras 6 & 7, Blok E12, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8884 7679
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/4/2 Jld.2(37)
Tarikh : 15 Mac 2021

Semua Setiausaha Bahagian

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2021: PENGURUSAN KEWANGAN BAGI PERUNTUKAN BANTUAN PERSEKOLAHAN UMUM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1 PENDAHULUAN

- 1.1 Surat Pekeling Kewangan (SPK) Bilangan 1 Tahun 2021: Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Umum (BP Umum) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** merupakan garis panduan yang ditambahbaik daripada SPK Bilangan 8 Tahun 2012. **SPK Bilangan 1 Tahun 2021 berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2021** bagi pengurusan peruntukan BP Umum tahun 2022 dan seterusnya. Dengan berkuatkuasanya **SPK Bilangan 1 Tahun 2021** ini maka **SPK Bilangan 8 Tahun 2012** dan Pindaan ke atas **SPK Bilangan 8 Tahun 2012 No. Ruj: KP(BKEW/BT)1800/G-03 JLD.2(s.k 6) (15)** bertarikh 17 Jun 2013 adalah terbatal.
- 1.2** SPK ini menerangkan tatacara pengurusan kewangan bagi BP Umum yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang menguruskan peruntukan BP Umum di peringkat Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Sekolah di bawah KPM.

- 1.3 BP umum adalah bantuan kewangan bagi membiayai kos aktiviti pengajaran dan pembelajaran, sukan, kurikulum dan pentadbiran sekolah dan asrama yang melibatkan semua murid dan disalurkan terus ke akaun bank sekolah dan asrama berdasarkan enrolmen murid tahun semasa di sekolah kerajaan (SK) dan sekolah bantuan kerajaan (SBK) di bawah KPM.
- 1.4 Lima (5) jenis BP Umum yang terlibat adalah seperti berikut:
- i. Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Mata Pelajaran;
 - ii. Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Bukan Mata Pelajaran;
 - iii. Bantuan Prasekolah;
 - iv. Bantuan Sukan; dan
 - v. Bantuan Kokurikulum.
- 1.5 BP Umum layak dituntut bagi semua murid bertaraf **WARGANEGARA** yang bersekolah di SK dan SBK di bawah KPM.
- 1.6 Murid **BUKAN WARGANEGARA** yang bersekolah di SK dan SBK juga layak menuntut BP Umum. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kadar caj aktiviti yang perlu ditanggung sendiri oleh murid bukan warganegara seperti jadual **Kadar Caj Aktiviti Persekolahan Murid Bukan Warganegara (Caj B/Warganegara BP Umum)** di Bab G.
- 1.7 Peruntukan BP Umum diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Sekolah (KWS) yang terdiri daripada tiga (3) jenis kumpulan wang iaitu:
- i. Kumpulan Wang Kerajaan (KWK);
 - ii. Kumpulan Wang Asrama (KWA); dan
 - iii. Kumpulan Wang Sumbangan Wang Awam (SUWA).
- 1.8 Kadar BP Umum yang dinyatakan dalam SPK ini merupakan kadar yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal KPM dan Kementerian Kewangan. Penyaluran jumlah peruntukan adalah bergantung kepada

- kedudukan kewangan negara dan belanjawan tahunan yang diluluskan.
- 1.9 Sebarang prosedur permohonan kelulusan bagi kenaikan kadar BP Umum hendaklah dibuat berdasarkan arahan Kementerian Kewangan dan / atau surat siaran Bahagian Kewangan (BKew) yang sedang berkuatkuasa.
- 1.10 SPK ini terletak di bawah bidang kuasa Pegawai Pengawal KPM.

2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS SEKOLAH

- 2.1 Pengurus Sekolah merujuk kepada Pengetua /Guru Besar atau individu yang menjalankan tugas kewangan dan perakaunan mengikut peraturan dan tatacara yang berkuatkuasa serta menguruskan sumber awam melalui perwakilan kuasa oleh Pegawai Pengawal
- 2.2 Pengurus sekolah hendaklah mengesahkan penerimaan penyaluran peruntukan bagi semua BP Umum yang disalurkan terus ke akaun bank sekolah dan asrama berdasarkan jumlah enrolmen murid pada **1 Oktober tahun sebelumnya**. Seterusnya mengesahkan juga penerimaan peruntukan atau pemulangan tuntutan terlebih tuntut bagi semua BP Umum dalam tempoh pelarasan berdasarkan enrolmen murid pada **1 Jun tahun semasa**.
- 2.3 Pengurus Sekolah dikehendaki menghantar borang permohonan tuntutan awal tahun persekolahan **bermula 1 Oktober atau selewat-lewatnya 31 Oktober tahun sebelumnya** kepada Ketua PTJ sebelum sistem atas talian dibuka bagi permohonan tuntutan peruntukan awal tahun persekolahan. Bagi tuntutan peruntukan pelarasan, borang permohonan hendaklah dihantar **bermula 1 Jun atau selewat-lewatnya 30 Jun** kepada Ketua PTJ. Sila rujuk **Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan (Borang TBP R/M)** di Bab G.
- 2.4 **Laporan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan BP Umum** hendaklah dibentangkan secara berkala dalam **Mesyuarat Jawatankuasa**

Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) sekolah yang dipengerusikan oleh Pengurus Sekolah. Sila rujuk contoh **Format Laporan Prestasi Belanja Bantuan Persekolahan KPM** di Bab G.

- 2.5 Pengurus Sekolah mempunyai autonomi untuk membuat **pindah peruntukan** bagi menampung kekurangan peruntukan dalam sesuatu BP Umum lain seperti berikut:
 - i. antara mata pelajaran dalam PCG Mata Pelajaran;
 - ii. antara komponen di dalam sesuatu jenis bantuan umum; dan
 - iii. antara jenis bantuan umum setelah mendapat kelulusan Ketua PTJ masing-masing.
- 2.6 Pengurus Sekolah dikehendaki mempertimbangkan kelulusan pindah peruntukan dan perbelanjaan baki bawa ke tahun hadapan bagi semua bantuan umum berdasarkan keputusan Mesyuarat JPKA sekolah. Prosedur pindah peruntukan hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara pengurusan perakaunan yang berkuatkuasa setelah kelulusan mesyuarat JPKA sekolah diperolehi. Minit mesyuarat JPKA hendaklah dikemukakan semasa sesi pengauditan sebagai dokumen sokongan bagi prosedur pindah peruntukan yang telah dilaksanakan.
- 2.7 Sekiranya sesuatu perkara itu tidak dinyatakan atau berlainan daripada maksud belanja yang ditetapkan dalam SPK ini, Pengurus Sekolah hendaklah merujuk kepada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing atau BKew, KPM sebelum apa-apa tindakan diambil oleh pihak sekolah. Sebarang permohonan kelulusan perbelanjaan yang dikemukakan oleh sekolah kepada BKew, KPM perlu melalui Ketua PTJ masing-masing beserta ulasan. **Permohonan tanpa melalui Ketua PTJ tidak akan dipertimbangkan.**
- 2.8 Pengurus Sekolah hendaklah memastikan setiap program/aktiviti sekolah yang dirancang untuk pelaksanaan dilaporkan dalam kertas cadangan yang lengkap dan terperinci. Pengurus Sekolah

bertanggungjawab menyemak dan meluluskan kertas cadangan tersebut sebelum pelaksanaan program/aktiviti berkenaan. Sila rujuk contoh **Format Kertas Cadangan Pelaksanaan Program** di Bab G.

- 2.9 Peruntukan yang telah dipindah keluar daripada sesuatu bantuan **tidak dibenarkan** untuk dipindah masuk semula ke bantuan yang sama atau lain bagi satu tahun kewangan. Pengurus Sekolah hendaklah memastikan baki selepas pindah peruntukan adalah mencukupi untuk menampung keperluan sepanjang tahun semasa. Sila rujuk contoh **Borang Permohonan Pindah Peruntukan Bantuan Persekolahan (Umum), KPM (Borang BKew/PP)** di Bab G.
- 2.10 Segala tuntutan BP Umum yang tidak dituntut atau dibayar dalam tahun semasa akan luput dan tidak boleh dituntut atau dibayar pada tahun berikutnya. Semua urusan tuntutan atau pembayaran BP Umum hendaklah dilangsaikan sebelum tarikh penutupan akaun awam tahunan.
- 2.11 Sebarang **pemulangan peruntukan tuntutan terlebih tuntut yang melebihi jumlah sebenar** kepada Ketua Akauntan KPM, **tidak boleh dituntut semula**. Pengurus Sekolah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyemak dan memastikan semua pengiraan dan data enrolmen adalah tepat.
- 2.12 Sekiranya sekolah melaksanakan pemulangan terlebih tuntut melalui cek, Pengurus Sekolah hendaklah memastikan pemulangan tersebut dibuat dalam **satu (1) keping cek sahaja** atas nama **Ketua Akauntan KPM selewat-lewatnya 31 Ogos tahun semasa** beserta **Borang Pemulangan Peruntukan Terlebih Tuntut Bantuan Persekolahan (Umum), KPM (Borang BKew/PTT)** di Bab G.
- 2.13 Perolehan aset hendaklah diuruskan mengikut tatacara pengurusan aset yang berkuatkuasa dan dilabelkan sebagai **Hak Milik Kerajaan Malaysia**.

- 2.14 Pengurus Sekolah hendaklah memastikan data seperti nama dan nombor akaun bank sekolah / asrama sentiasa dikemaskini di dalam sistem yang digunakan.
- 2.15 Pengurus Sekolah hendaklah memastikan semua pihak yang terlibat sentiasa berhati-hati dalam menguruskan peruntukan kewangan BP Umum yang diterima supaya tidak melanggar peraturan-peraturan kewangan terutamanya peraturan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) seperti AP58(a) dan AP59, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Pegawai Pengawal, Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan dan Kewangan serta peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa.
- 2.16 Sekiranya berlaku perlanggaran peraturan, pihak yang terlibat boleh dikenakan **tindakan surcaj atau tatatertib** seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan penalti di bawah Perenggan 13, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002, Akta Pendidikan 1996.
- 2.17 Sebarang pertanyaan berkaitan BP Umum boleh ditujukan ke alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 6 & 7, Blok E12
Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
(u.p: Cawangan Bantuan)

Tel: 03-8884 7700

Faks: 03-8884 7611

3. TARIKH KUAT KUASA

3.1 Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021 ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2021 bagi pengurusan peruntukan BP Umum tahun 2022 dan seterusnya.


4. PEMBATALAN

4.1 Dengan berkuatkuasanya SPK Bilangan 1 Tahun 2021 ini maka SPK Bilangan 8 Tahun 2012 dan Pindaan ke atas SPK Bilangan 8 Tahun 2012 No. Ruj: KP(BKEW/BT)1800/G-03 JLD.2(s.k 6) (15) bertarikh 17 Jun 2013 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

BAB A: JENIS, MAKSUD BELANJA DAN KADAR BP UMUM

I. BANTUAN GERAN PER KAPITA (PCG) MATA PELAJARAN

1. PENGENALAN

1.1 Bantuan Geran Per Kapita (PCG) merupakan bantuan kewangan yang diperuntukkan kepada sekolah berdasarkan kadar yang ditetapkan dan enrolmen murid yang bersekolah di Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan di bawah KPM bagi tujuan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) demi keberhasilan murid.

2. MAKSUD BELANJA PCG SEKOLAH RENDAH / SEKOLAH MENENGAH

2.1 Perincian bagi maksud belanja PCG adalah seperti dalam **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1: Maksud Belanja Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Mata Pelajaran
MAKSUD BELANJA

a. PCG Mata Pelajaran	
i	Pembelian inventori dan bahan habis guna bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
ii	Pembelian bahan bacaan yang bersesuaian untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
iii	Perolehan / penyediaan percetakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran
iv	Penyelenggaraan aset sedia ada yang digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
v	Pelaksanaan aktiviti berunsur pendidikan bagi tujuan pengukuhan program pengajaran dan pembelajaran (contoh: taman ilmu, taman herba, karnival sains, pertandingan perbahasan / kuiz dan lawatan sambil belajar)
vi	Bayaran elauan kepada penceramah / fasilitator berdasarkan peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
vii	Pengangkutan murid untuk praktikal, praktikum, seminar, latihan, kursus dan program-program lain bagi tujuan pengukuhan pengajaran dan pembelajaran

MAKSUD BELANJA	
viii	<p>Perolehan harta modal dibenarkan tetapi hendaklah dipersetujui oleh Ketua Bidang/Panitia seterusnya diluluskan oleh Pengurus Sekolah dalam mesyuarat pentadbiran. Perolehan hendaklah mematuhi peraturan di bawah; -</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Rendah : Tidak melebihi RM5,000 atau 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Mata Pelajaran termasuk baki tahun sebelumnya, mana yang lebih rendah; • Sekolah Menengah : Tidak melebihi RM10,000 atau 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Mata Pelajaran termasuk baki tahun sebelumnya, mana yang lebih rendah; • Sekolah Kurang Murid (Rendah / Menengah) : Tidak melebihi 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Mata Pelajaran termasuk baki tahun sebelumnya; dan
ix	Perolehan harta modal yang melebihi kadar yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan Ketua PTJ terlebih dahulu.
x	Perolehan atau penggantian alat pendingin udara tidak dibenarkan . Peruntukan bagi tujuan ini hendaklah dipohon daripada Ketua PTJ masing-masing.
xi	Bagi perolehan ICT, sekolah hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua PTJ dan mematuhi Tatacara Perolehan ICT yang berkuatkuasa.
b. Kertas Ujian Dalaman	
i	Perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna untuk penyediaan kertas ujian / peperiksaan dalaman.
ii	Bagi murid bukan warganegara , Pengurus Sekolah hendaklah mengutip bayaran bagi kertas ujian dalaman daripada ibu bapa atau penjaga murid.
c. Kegiatan Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral	
i	<p>Semua perbelanjaan bagi pelaksanaan aktiviti dan program berkaitan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral yang meliputi:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. urusan makan minum, sewaan dan pengangkutan murid dan guru pengiring; b. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna; dan c. bayaran kepada penceramah / fasilitator.

MAKSUD BELANJA	
ii	Bagi murid bukan warganegara , Pengurus Sekolah hendaklah mengutip bayaran bagi kegiatan Pendidikan Islam / Pendidikan Moral daripada ibu bapa atau penjaga murid.

3. KADAR

- 3.1 Pengurus Sekolah **WAJIB** memaklumkan kepada Ketua Bidang / Panitia dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun (JPKA) Sekolah** mengenai jumlah peruntukan PCG Mata Pelajaran yang diterima serta agihannya supaya perancangan perbelanjaan tahunan dapat dilakukan dengan teratur dan berkesan. Peruntukan yang diberikan itu hendaklah dimanfaatkan untuk murid pada tahun semasa.
- 3.2 Kumpulan kurikulum dan kadar PCG yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:
- a. Kadar Pemberian Per Kapita Bagi Sekolah Rendah - **Jadual 2**
Kadar Pemberian Per Kapita Bagi Menengah
 - b. Rendah (Kelas Peralihan Dan Tingkatan 1 - Tingkatan 3) - **Jadual 3**
 - c. Kadar Pemberian Per Kapita Bagi Menengah Atas (Tingkatan 4 - Tingkatan 6) - **Jadual 4**
 - d. Kadar Pemberian Per Kapita Bagi Sekolah
Pendidikan Khas / Program Pendidikan Khas Integrasi / Program Pendidikan Inklusif (Rendah)
Kadar Pemberian Per Kapita Bagi Sekolah
 - e. Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas /
Program Pendidikan Khas Integrasi / Program Pendidikan Inklusif (Menengah) - **Jadual 5**
 - e. Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas /
Program Pendidikan Khas Integrasi / Program Pendidikan Inklusif (Menengah) - **Jadual 6**

*Nota: Jadual kurikulum dan kadar PCG adalah tertakluk kepada perubahan berdasarkan Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) yang berkuatkuasa dan kelulusan belanjawan Kementerian Kewangan. Jadual terbaru hendaklah dirujuk pada Borang TBP/R dan TBP/M yang terkini.

- 3.3 PCG Mata Pelajaran bagi Tingkatan Enam yang ditawarkan dikategorikan secara pentadbiran sebagaimana kumpulan mata pelajaran Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima untuk memudahkan prosedur tuntutan dan perekodan oleh pihak sekolah.

JADUAL 2 : KADAR PEMBERIAN PER KAPITA BAGI SEKOLAH RENDAH

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	≤ 20 MURID	21 - 50 MURID	51 - 100 MURID	101 - 150 MURID	151 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
A.	PCG MATA PELAJARAN							
1	Mata Pelajaran Teras							
i.	Bahasa Melayu							
ii.	Bahasa Inggeris							
iii.	Bahasa Cina (SJKC)							
iv.	Bahasa Tamil (SJKT)							
v.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	RM1,400	RM1,600	RM1,600 + RM10 seorang melebihi 50 orang.	RM2,100 + RM16 seorang melebihi 100 orang.	RM2,900 + RM8 seorang melebihi 150 orang.	RM5,700 + RM10 seorang melebihi 500 orang.	RM10,700 + RM9 seorang melebihi 1000 orang.
vi.	Pendidikan Islam							
vii.	Pendidikan Moral							
viii.	Matematik							
ix.	Sains							
x.	Reka Bentuk dan Teknologi							
xi.	Pendidikan Seni Visual							
xii.	Pendidikan Muzik							
xiii.	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan							
2	Mata Pelajaran Tambahan							
i.	Sejarah	RM800	RM800	RM800	RM3,200 + RM8 seorang melebihi 50 orang.	RM4,000 + RM22 seorang melebihi 150 orang.	RM11,700 + RM22 seorang melebihi 500 orang.	RM22,700 + RM21 seorang melebihi 1000 orang
ii.	Bahasa Cina							
iii.	Bahasa Tamil							
iv.	Bahasa Cina Komunikasi							

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	≤ 20 MURID	21 - 50 MURID	51 - 100 MURID	101 - 150 MURID	151 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
v.	Bahasa Tamil Komunikasi							RM2.00 seorang murid setahun
vi.	Bahasa Arab Komunikasi							RM2.00 seorang murid setahun
vii.	Bahasa Semai							RM2.00 seorang murid setahun
viii.	Bahasa Iban							RM2.00 seorang murid setahun
ix.	Bahasa Kadazan dusun							RM2.00 seorang murid setahun
B.	Kertas Ujian Dalaman (KUD)							RM6.00 seorang murid setahun
C.	Kegiatan Pendidikan Islam / Pendidikan Moral (PIM)							RM6.00 seorang murid setahun

JADUAL 3 : KADAR PEMBERIAN PER KAPITA BAGI MENENGAH RENDAH (KELAS PERALIHAN DAN TINGKATAN 1 - TINGKATAN 3)

BIL.	JENIS BANTUAN	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID KE ATAS
A.	PCG MATA PELAJARAN MENENGAH RENDAH (KELAS PERALIHAN DAN T1 - T3)				
1	Mata Pelajaran Teras				
	i. Bahasa Melayu				
	ii. Bahasa Inggeris				
	iii. Pendidikan Islam				
	iv. Pendidikan Moral				
	v. Sains				
	vi. Matematik				
	vii. Sejarah				
2	Mata Pelajaran Wajib				
	i. Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan				
	ii. Pendidikan Seni Visual				
	iii. Pendidikan Muzik				
	iv. Geografi				
	v. Asas Sains Komputer / Rekabentuk dan Teknologi				
3	Mata Pelajaran Tambahan				
	3.1 Bahasa Ibunda				
	i. Bahasa Cina				
	ii. Bahasa Tamil				
	iii. Bahasa Iban				
	iv. Bahasa Kadazandusun				
	v. Bahasa Semai				
	3.2 Bahasa Antarabangsa				
	vi. Bahasa Perancis				
	vii. Bahasa Jerman				
	viii. Bahasa Jepun				
	ix. Bahasa Korea				
	x. Bahasa Arab				
4	Mata Pelajaran Elektif Sekolah Menengah Harian / Sekolah Berasrama Penuh (SBP) / Sekolah Sukan Malaysia / Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)				
	4.1 Kurikulum Bersepadu Dini (KBD), Kurikulum Bersepadu Tahfiz (GBT)				
	i. Usul Al-Din	RM15.50 seorang murid setahun			
	ii. Al-Syariah	RM15.50 seorang murid setahun			
	iii. Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah	RM40.40 seorang murid setahun			
	iv. Hitz Al-Quran	RM22.30 seorang murid setahun			
	v. Maharat Al-Quran	RM13.80 seorang murid setahun			
B	Kertas Ujian Dalaman	RM 10.00 seorang murid setahun			
C	Kegiatan Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral	RM 6.00 seorang murid setahun			

JADUAL 4 : KADAR PEMBERIAN PER KAPITA BAGI MENENGAH ATAS (TINGKATAN 4 - TINGKATAN 6)

BIL.	JENIS BANTUAN	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID KE ATAS
A.	PCG MATA PELAJARAN MENENGAH ATAS (T4 - T5)				
1	Mata Pelajaran Teras				
	i. Bahasa Melayu				
	ii. Bahasa Inggeris				
	iii. Pendidikan Islam				
	iv. Pendidikan Moral				
	v. Sains				
	vi. Matematik				
	vii. Sejarah				
2	Mata Pelajaran Wajib				
	i. Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	RM800	RM800 + RM7.60 seorang melebihi 100 orang.	RM3,840 + RM7.20 seorang melebihi 500 orang.	RM7,440 + RM6.80 seorang melebihi 1000 orang.
3	Mata Pelajaran Elektif Sekolah Menengah Harian / Sekolah Berasrama Penuh (SBP) / Sekolah Sukan Malaysia / Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) / Sekolah Seni Malaysia				
	3.1 Elektif Bahasa				
	i. Bahasa Arab				
	ii. Bahasa Cina				
	iii. Bahasa Tamil				
	iv. Bahasa Iban				
	v. Bahasa Kadazandusun				
	vi. Bahasa Semai				
	vii. Bahasa Perancis				
	viii. Bahasa Jepun				
	ix. Bahasa Jerman				
	x. Bahasa Korea				
	xi. Bahasa Cina Komunikasi				
	3.2 Elektif Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas				
	i. Ekonomi		RM5.00 seorang murid setahun		
	ii. Perniagaan		RM5.00 seorang murid setahun		
	iii. Prinsip Perakaunan		RM5.00 seorang murid setahun		
	iv. Pengajian Keusahawanan		RM80.00 seorang murid setahun		
	v. Pendidikan Seni Visual		RM5.00 seorang murid setahun		
	vi. Pendidikan Muzik		RM5.00 seorang murid setahun		
	vii. Geografi		RM2.00 seorang murid setahun		
	viii. Kesusastraan Melayu Komunikatif		RM2.00 seorang murid setahun		
	ix. Kesusastraan Inggeris		RM2.00 seorang murid setahun		
	3.3 Elektif Pengajian Islam				
	i. Pendidikan Al-Quran Dan As-Sunnah		RM 2.00 seorang murid setahun		
	ii. Pendidikan Syariah Islamiyah		RM2.00 seorang murid setahun		
	iii. Tasawur Islam		RM2.00 seorang murid setahun		
	iv. Usul Al-Din		RM2.00 seorang murid setahun		
	v. Al-Syariah		RM15.50 seorang murid setahun		
	vi. Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah		RM15.50 seorang murid setahun		
	vii. Manahij Al-Ulum Al-Islamiah		RM40.40 seorang murid setahun		
	viii. Al-Adab Wa Al-Balaghah		RM6.00 seorang murid setahun		
	ix. Hitz Al-Quran		RM10.40 seorang murid setahun		
	x. Maharat Al-Quran		RM22.30 seorang murid setahun		
	xi. Turath al-Quran dan al-Sunnah		RM13.80 seorang murid setahun		
	xii. Turath Bahasa Arab		RM8.90 seorang murid setahun		

BIL.	JENIS BANTUAN	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID KE ATAS
xiii.	Turath Dirasat Islamiah			RM10.20 seorang murid setahun	
3.4 Elektif STEM (Sains Tulen dan Matematik Tambahan)					
i.	Fizik		RM65.00 seorang murid setahun		
ii.	Kimia		RM65.00 seorang murid setahun		
iii.	Biologi		RM65.00 seorang murid setahun		
iv.	Matematik Tambahan		RM6.00 seorang murid setahun		
3.5 Elektif STEM (Sains Gunaan dan Teknologi)					
i.	Sains Tambahan		RM65.00 seorang murid setahun		
ii.	Grafik Komunikasi Teknikal		RM25.00 seorang murid setahun		
iii.	Asas Kelestarian		RM25.00 seorang murid setahun		
iv.	Pertanian		RM35.00 seorang murid setahun		
v.	Sains Rumah tangga		RM30.00 seorang murid setahun		
vi.	Rekacipta		RM40.00 seorang murid setahun		
vii.	Sains Komputer		RM65.00 seorang murid setahun		
viii.	Sains Sukan		RM20.00 seorang murid setahun		
ix.	Pengajian Elektrik Dan Elektronik		RM25.00 seorang murid setahun		
x.	Pengajian Kejuruteraan Awam		RM25.00 seorang murid setahun		
xi.	Pengajian Kejuruteraan Jentera		RM25.00 seorang murid setahun		
3.6 Elektif STEM (Mata Pelajaran Vokasional) – MPV					
i.	Pembinaan Domestik		RM210.00 seorang murid setahun		
ii.	Pendawaian Domestik		RM210.00 seorang murid setahun		
iii.	Hiasan Dalaman		RM210.00 seorang murid setahun		
iv.	Kerja Paip Domestik		RM210.00 seorang murid setahun		
v.	Kimpalan Arka Dan Gas		RM210.00 seorang murid setahun		
vi.	Pembuatan Perabot		RM220.00 seorang murid setahun		
vii.	Produksi Reka Tanda		RM220.00 seorang murid setahun		
viii.	Menservis Peralatan Elektrik Domestik		RM220.00 seorang murid setahun		
ix.	Menservis Peralatan Penyejukan Dan Penyamanan Udara		RM220.00 seorang murid setahun		
x.	Menservis Automobil		RM220.00 seorang murid setahun		
xi.	Menservis Motosikal		RM220.00 seorang murid setahun		
xii.	Rekaan Dan Jahitan Pakaian		RM220.00 seorang murid setahun		
xiii.	Katering Dan Penyajian		RM220.00 seorang murid setahun		
xiv.	Penjagaan Muka Dan Penggayaan Rambut		RM220.00 seorang murid setahun		
xv.	Asuhan Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak		RM220.00 seorang murid setahun		
xvi.	Pemprosesan Makanan		RM220.00 seorang murid setahun		
xvii.	Gerontologi Asas Dan Geriatrik		RM220.00 seorang murid setahun		
xviii.	Lanskap Dan Nurseri		RM220.00 seorang murid setahun		
xix.	Tanaman Makanan		RM220.00 seorang murid setahun		

BIL.	JENIS BANTUAN	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID KE ATAS
xx.	Akuakultur Dan Haiwan Rekreasi		RM220.00 seorang murid setahun		
xxi.	Produksi Multimedia		RM180.00 seorang murid setahun		
xxii.	Reka Bentuk Grafik Digital		RM180.00 seorang murid setahun		
3.7 Aliran Kemahiran (PVMA)					
i.	Pendawaian Elektrik		RM900.00 seorang murid setahun		
ii.	Dekorasi Dalaman		RM700.00 seorang murid setahun		
iii.	Pembuatan Perabot		RM780.00 seorang murid setahun		
iv.	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara		RM952.00 seorang murid setahun		
v.	Automotif		RM980.00 seorang murid setahun		
vi.	Motosikal		RM910.00 seorang murid setahun		
vii.	Membuat Pakaian		RM720.00 seorang murid setahun		
viii.	Penyediaan Makanan		RM1,120.00 seorang murid setahun		
ix.	Seni Kecantikan		RM560.00 seorang murid setahun		
x.	Tanaman		RM700.00 seorang murid setahun		
xi.	Akuakultur		RM630.00 seorang murid setahun		
xii.	Visual dan Animasi		RM600.00 seorang murid setahun		
4	Mata Pelajaran Elektif Sekolah Teknik / Kolej Vokasional				
4.1 Elektif Teknik					
i.	Fizik		RM65.00 seorang murid setahun		
ii.	Kimia		RM65.00 seorang murid setahun		
iii.	Matematik Tambahan		RM6.00 seorang murid setahun		
iv.	Lukisan Kejuruteraan		RM25.00 seorang murid setahun		
v.	Pengajian Kejuruteraan Awam		RM25.00 seorang murid setahun		
vi.	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal		RM25.00 seorang murid setahun		
vii.	Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik		RM25.00 seorang murid setahun		
viii.	Prinsip Akaun		RM5.00 seorang murid setahun		
ix.	Pengajian Keusahawanan		RM80.00 seorang murid setahun		
4.2 Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) / Aliran Kemahiran KV					
i.	Teknologi Pembinaan		RM800.00 seorang murid setahun		
ii.	Teknologi Pemprosesan Kayu dan Kemasan		RM1,300.00 seorang murid setahun		
iii.	Teknologi Pemesinan Industri		RM1,400.00 seorang murid setahun		
iv.	Teknologi Kimpalan		RM1,500.00 seorang murid setahun		

BIL.	JENIS BANTUAN	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID KE ATAS
v.	Teknologi Automotif		RM1,400.00 seorang murid setahun		
vi.	Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara		RM1,400.00 seorang murid setahun		
vii.	Teknologi Mekanisasi Agro		RM1,000.00 seorang murid setahun		
viii.	Teknologi Elektrik		RM1,500.00 seorang murid setahun		
ix.	Teknologi Elektronik		RM700.00 seorang murid setahun		
x.	Seni Kulinari		RM1,600.00 seorang murid setahun		
xi.	Bakeri dan Pastri		RM1,600.00 seorang murid setahun		
xii.	Pelancongan		RM220.00 seorang murid setahun		
xiii.	Kosmetologi		RM800.00 seorang murid setahun		
xiv.	Pengajian Awal Kanak-Kanak		RM330.00 seorang murid setahun		
xv.	Seni Reka Fesyen dan Membuat Pakaian		RM1,200.00 seorang murid setahun		
xvi.	Multimedia Kreatif dan Animasi		RM1,200.00 seorang murid setahun		
xvii.	Reka Bentuk Grafik dan Media Cetak		RM700.00 seorang murid setahun		
xviii.	Seni Bina Landskap		RM1,000.00 seorang murid setahun		
xix.	Herba		RM1,000.00 seorang murid setahun		
xx.	Pemprosesan Makanan		RM1,000.00 seorang murid setahun		
xxi.	Bioteknologi		RM1,000.00 seorang murid setahun		
xxii.	Teknologi Sistem Komputer dan Rangkaian		RM500.00 seorang murid setahun		
xxiii.	Teknologi Sistem Pengurusan Pengkalan Data dan Aplikasi Web		RM500.00 seorang murid setahun		
xxiv.	Pengurusan Perniagaan		RM470.00 seorang murid setahun		
xxv.	Kesetiausahaan Pentadbiran		RM450.00 seorang murid setahun		
xxvi.	Perbankan		RM280.00 seorang murid setahun		
xxvii.	Insurans		RM390.00 seorang murid setahun		
xxviii.	Pemasaran		RM500.00 seorang murid setahun		
xxix.	Pengurusan Peruncitan		RM500.00 seorang murid setahun		
xxx.	Perakaunan		RM500.00 seorang murid setahun		
xxxi.	Akuakultur		RM1,000.00 seorang murid setahun		
xxxii.	Florikultur		RM1,000.00 seorang murid setahun		
xxxiii.	Hortikultur		RM1,000.00 seorang murid setahun		

BIL.	JENIS BANTUAN	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID KE ATAS
xxxiv	Agroindustri Ternakan Ruminan		RM1,000.00 seorang murid setahun		
xxxv.	Agroindustri Ternakan Poltri		RM1,000.00 seorang murid setahun		
xxxvi	Agroindustri Tanaman		RM1,000.00 seorang murid setahun		
xxxvii	Pemesin Am		RM1,400 .00 seorang murid setahun		
xxxviii	Jurukimpal Arka Logam Berperisai		RM1,500.00 seorang murid setahun		
xxxix	Pelukis Pelan Mekanikal		RM700.00 seorang murid setahun		
xl	Mekanik Kenderaan Motor		RM1,400.00 seorang murid setahun		
xli	Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara Domestik		RM1,400.00 seorang murid setahun		
xlii	Pembuat Perabot		RM1,300.00 seorang murid setahun		
xliii	Jurubina Bangunan		RM800.00 seorang murid setahun		
xliv	Jurubina Bangunan Berasaskan Kayu		RM1,200.00 seorang murid setahun		
xlv	Jurukerja Paip		RM800.00 seorang murid setahun		
xlvi	Juruteknik Elektrik Rendah		RM1,500.00 seorang murid setahun		
xlvii	Juruteknik Rendah Elektronik Industri-Peralatan		RM700.00 seorang murid setahun		
xlviii	Pembantu Penyediaan Makanan		RM1,600.00 seorang murid setahun		
xlix	Pembuat Pakaian Wanita		RM1,200.00 seorang murid setahun		
I	Pendandan Rambut Muda		RM700.00 seorang murid setahun		
II	Jurukecantikan		RM800.00 seorang murid setahun		
III	Juruteknik Rendah Akuakultur		RM900.00 seorang murid setahun		
IV	Pekerja Ladang Pertanian		RM1,000.00 seorang murid setahun		
5	Mata Pelajaran Elektif Sekolah Seni Malaysia				
i.	Biologi		RM65.00 seorang murid setahun		
ii.	Fizik		RM65.00 seorang murid setahun		
iii.	Kimia		RM65.00 seorang murid setahun		
iv.	Perniagaan		RM5.00 seorang murid setahun		
v.	Ekonomi		RM5.00 seorang murid setahun		
vi.	Prinsip Perakaunan		RM5.00 seorang murid setahun		
vii.	Matematik Tambahan		RM6.00 seorang murid setahun		
viii.	Kesusasteraan Melayu		RM2.00 seorang murid setahun		
ix.	English Literature		RM2.00 seorang murid setahun		
x.	Muzik		RM24.00 seorang murid setahun		
xi.	Tari		RM95.00 seorang murid setahun		
xii.	Teater		RM65.00 seorang murid setahun		
xiii.	Seni Visual		RM220.00 seorang murid setahun		

BIL.	JENIS BANTUAN	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID KE ATAS			
B.	PCG MATA PELAJARAN MENENGAH ATAS (TINGKATAN 6)							
1	Mata Pelajaran Teras							
	i. Pengajian Am		RM3.00 seorang murid setahun					
	ii. Bahasa Melayu		RM3.00 seorang murid setahun					
2	Mata Pelajaran Tambahan							
	i. Bahasa Cina		RM3.00 seorang murid setahun					
	ii. Bahasa Tamil		RM3.00 seorang murid setahun					
	iii. Bahasa Arab		RM3.00 seorang murid setahun					
3	Mata Pelajaran Elektif							
	3.1 Elektif STPM							
	a. Sains Tulen							
	i. Physics		RM30.00 seorang murid setahun					
	ii. Chemistry		RM30.00 seorang murid setahun					
	iii. Biology		RM30.00 seorang murid setahun					
	b. Pengajian Islam							
	i. Syariah		RM3.00 seorang murid setahun					
	ii. Usuluddin		RM3.00 seorang murid setahun					
	iii. Tahfiz STPM		RM27.50 seorang murid setahun					
	c. Sastera Ikhtisas							
	i. Ekonomi		RM5.00 seorang murid setahun					
	ii. Pengajian Perniagaan		RM5.00 seorang murid setahun					
	iii. Perakaunan		RM5.00 seorang murid setahun					
	d. Kemanusiaan							
	i. Sejarah		RM3.00 seorang murid setahun					
	ii. Geografi		RM3.00 seorang murid setahun					
	iii. Kesusastraan Melayu Komunikatif		RM3.00 seorang murid setahun					
	iv. Literature In English		RM3.00 seorang murid setahun					
	v. Seni Visual		RM5.00 seorang murid setahun					
	vi. Sains Sukan		RM20.00 seorang murid setahun					
	e. Teknologi							
	i. Matematik (M)		RM6.00 seorang murid setahun					
	ii. Matematik (T)		RM6.00 seorang murid setahun					
	iii. Information and Communication Technology		RM65.00 seorang murid setahun					
	f. Malaysian University English Test (MUET)		RM 3.00 seorang murid setahun					

BIL.	JENIS BANTUAN	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID KE ATAS
	3.2 Elektif STAM				
i.	Tauhid		RM10.40 seorang murid setahun		
ii.	Hadith dan Mustolah Hadith		RM5.00 seorang murid setahun		
iii.	Tafsir dan Ulumuhu		RM5.00 seorang murid setahun		
iv.	Mantiq		RM5.00 seorang murid setahun		
v.	Fiqh		RM10.40 seorang murid setahun		
vi.	Hifz Al-Quran dan Tajwid		RM3.20 seorang murid setahun		
vii.	Nahu		RM10.40 seorang murid setahun		
viii.	Sarf		RM5.00 seorang murid setahun		
ix.	Insya'		RM9.40 seorang murid setahun		
x.	Mutala'ah		RM9.40 seorang murid setahun		
xi.	Adab dan Nusus		RM9.40 seorang murid setahun		
xii.	'Arudh dan Qafiyah		RM3.40 seorang murid setahun		
xiii.	Balaghah		RM5.00 seorang murid setahun		
C.	Kertas Ujian Dalaman (KUD)		RM10.00 seorang murid setahun		
D.	Kegiatan Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral		RM6.00 seorang murid setahun		

JADUAL 5 : KADAR PEMBERIAN PER KAPITA BAGI SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS / PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI / PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (RENDAH)

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	≤ 20 MURID	21 - 50 MURID	51 - 100 MURID	101 - 150 MURID	151 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
A.	PCG MATA PELAJARAN							
1	Mata Pelajaran Teras							
1.1	Teras (Tahap I)							
i.	Bahasa Melayu							
ii.	Bahasa Melayu (Suaian)							
iii.	Bahasa Inggeris							
iv.	Bahasa Inggeris (Suaian)							
v.	Matematik							
vi.	Sains							
vii.	Pendidikan Islam							
viii.	Pendidikan Islam (Suaian)							
ix.	Pendidikan Moral							
x.	Bahasa Isyarat Komunikasi							
xi.	Kemahiran Asas Individu							
xii.	Ketidakupayaan Penglibatan							
xiii.	Pengurusan Kehidupan							
xiv.	Asas 3M							
xv.	Pendidikan Jasmani (Suaian) dan Pendidikan Kesihatan							
xvi.	Kesihatan							
xvii.	Pendidikan Jasmani							
xviii.	Pendidikan Kesenian (Suaian)							
xix.	Pendidikan Seni Visual							
xx.	Pendidikan Seni Visual (Suaian)							
xxi.	Pendidikan Muzik							
xxii.	Pendidikan Seni Kreatif							
xxiii.	Reka Bentuk dan Teknologi							
xxiv.	Kemahiran Hidup Asas							
1.2	Teras (Tahap II)							

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	≤ 20 MURID	21 - 50 MURID	51 - 100 MURID	101 - 150 MURID	151 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
i.	Bahasa Melayu							
ii.	Bahasa Melayu (Suaian)							
iii.	Bahasa Inggeris							
iv.	Bahasa Inggeris (Suaian)							
v.	Matematik							
vi.	Sains							
vii.	Pendidikan Islam							Ketidakupayaan Penglihatan - RM200 seorang murid setahun/ Ketidakupayaan Pendengaran - RM50 seorang murid setahun/ Ketidakupayaan Pembelajaran / Pertuturan / Fizikal / Pelbagai - RM45 seorang murid setahun
viii.	Pendidikan Islam (Suaian)							
ix.	Pendidikan Moral							
x.	Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar							Ketidakupayaan Pembelajaran / Pertuturan / Fizikal / Pelbagai - RM70 seorang murid setahun
xi.	Pendidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi							
xii.	Bahasa Isyarat Komunikasi							
xiii.	Kemahiran Asas Individu							
xiv.	Ketidakupayaan Penglihatan							
xv.	Pengurusan Kehidupan							
xvi.	Pendidikan Jasmani (Suaian) dan Kesehatan							Ketidakupayaan Penglihatan - RM100 seorang murid setahun/ Ketidakupayaan Pendengaran - RM80 seorang murid setahun/ Ketidakupayaan Pembelajaran/ Pertuturan / Fizikal / Pelbagai - RM70 seorang murid setahun
xvii.	Pendidikan Seni Visual							
xviii.	Pendidikan Seni Visual (Suaian)							
xix.	Pendidikan Muzik							
xx.	Reka Bentuk dan Teknologi							
xxi.	Kemahiran Hidup Asas							
xxii.	Sejarah	RM800	RM800	RM800	RM800 + RM6 seorang melebih 100 orang.	RM1,100 + RM6 seorang melebih 150 orang.	RM3,200 + RM4 seorang melebih 500 orang.	RM5,200 + RM2 seorang melebih 1000 orang.
2	Mata Pelajaran Tambahan							
i.	Bahasa Arab							Ketidakupayaan Penglihatan - RM50 seorang murid setahun/ Ketidakupayaan Pendengaran - RM75 seorang murid setahun/ Ketidakupayaan Pembelajaran/ Ketidakupayaan Pertuturan / Ketidakupayaan Fizikal / Ketidakupayaan Pelbagai - RM65 seorang murid setahun
ii.	Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan							

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	≤ 20 MURID	21 - 50 MURID	51 - 100 MURID	101 - 150 MURID	151 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
iii.	Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan							
iv.	Bahasa Iban							
v.	Bahasa Kadazandusun							
vi.	Bahasa Semai							
vii.	Bahasa Asing							
viii.	Literasi Komputer							
ix.	Komunikasi Seluruhh/Komunikasi Pengajaran dan Pembelajaran							
B.	Kertas Ujian Dakaman (KUD)							RM6.00 seorang murid setahun
C.	Kegiatan Pendidikan Islam / Pendidikan Moral							RM6.00 seorang murid setahun

JADUAL 6 : KADAR PEMBERIAN PER KAPITA BAGI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS / PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI / PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (MENENGAH)

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
A. PCG MATA PELAJARAN					
1	Mata Pelajaran Teras				
i.	Bahasa Melayu Komunikasi				
ii.	English for Communication				
iii.	Pendidikan Islam				
iv.	Pendidikan Moral				
v.	Matematik				
vi.	Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar				
vii.	Pengurusan Diri				
viii.	Pengurusan Kehidupan				
ix.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan				
x.	Pendidikan Seni Visual				
xi.	Pendidikan Muzik				
xii.	Pendidikan Seni dan Kesejahteraan				
xiii.	Pendidikan Sahsiah				
2	Mata Pelajaran Elektif Pendidikan Khas				
2.1	Elektif				
i.	Literasi Komputer				
ii.	Perniagaan				
iii.	Pertanian				
iv.	Rekacipta				
v.	Komunikasi Seluruh / Komunikasi Pengajaran dan Pembelajaran				
2.2	Elektif II (Kursus Yang Melayakkan SKM Selain Kursus di Para 2.3)				
i.	Desktop Publishing				
ii.	Multimedia Visual				
iii.	Perkhidmatan Estetik				
iv.	Operasi Pengeluaran Batik				
2.3	Kemahiran Vokasional Spesifik (Kelayakan SKM)				
i.	Penyediaan dan Pembuatan Makanan				
ii.	Pembuatan Roti				
iii.	Pembuatan Pastri				
iv.	Dandan Rambut				
v.	Operasi Perkhidmatan Mendobi				
vi.	Operasi Servis Makanan dan Minuman				
vii.	Refleksologi Kaki, Tangan dan Telinga				
viii.	Operasi Pengemasan				
ix.	Membuat Pakaian Wanita				
x.	Pembuat Kanan Jahitan Kreatif				
xi.	Pembuat Pakaian Lelaki Kanan				
xii.	Proses Kimpalan Arka Kepingan Logam				
xiii.	Peralatan Penyamanan Udara HVAC				

BIL.	BANTUAN PER KAPITA		100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
xiv.	Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik		RM1,500 seorang murid setahun			
xv.	Atendan Lanskap		RM1,000 seorang murid setahun			
xvi.	Koordinator Lanskap		RM1,000 seorang murid setahun			
xvii.	Pekerja Am Tanaman		RM1,000 seorang murid setahun			
xviii.	Pekerja Ladang Penternakan Poltri		RM1,000 seorang murid setahun			
xix.	Pekerja Ladang Ruminan		RM1,000 seorang murid setahun			
xx.	Operator Akuakultur		RM1,000 seorang murid setahun			
xxi.	Operasi Pengeluaran Pemprosesan Makanan		RM1,000 seorang murid setahun			
xxii.	Operasi Pembuatan Perabot		RM1,300 seorang murid setahun			
xxiii.	Servis dan Penyelenggaraan Motorsikal		RM1,400 seorang murid setahun			
2.4	Mata Pelajaran Vokasional (MPV)					
i.	Pembinaan Domestik		RM210.00 seorang murid setahun			
ii.	Pendawaian Domestik		RM210.00 seorang murid setahun			
iii.	Hiasan Dalaman		RM210.00 seorang murid setahun			
iv.	Kerja Paip Domestik		RM210.00 seorang murid setahun			
v.	Kimpalan Arka Dan Gas		RM210.00 seorang murid setahun			
vi.	Pembuatan Perabot		RM220.00 seorang murid setahun			
vii.	Produksi Reka Tanda		RM220.00 seorang murid setahun			
viii.	Menservis Peralatan Elektrik Domestik		RM220.00 seorang murid setahun			
ix.	Menservis Peralatan Penyejukan Dan Penyamanan Udara		RM220.00 seorang murid setahun			
x.	Menservis Automobil		RM220.00 seorang murid setahun			
xi.	Menservis Motosikal		RM220.00 seorang murid setahun			
xii.	Rekaan Dan Jahitan Pakaian		RM220.00 seorang murid setahun			
xiii.	Katering Dan Penyajian		RM220.00 seorang murid setahun			
xiv.	Penjagaan Muka Dan Penggayaan Rambut		RM220.00 seorang murid setahun			
xv.	Asuhan Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak		RM220.00 seorang murid setahun			
xvi.	Pemprosesan Makanan		RM220.00 seorang murid setahun			
xvii.	Gerontologi Asas Dan Geriatrik		RM220.00 seorang murid setahun			
xviii.	Lanskap Dan Nurseri		RM220.00 seorang murid setahun			
xix.	Tanaman Makanan		RM220.00 seorang murid setahun			
xx.	Akuakultur Dan Haiwan Rekreasi		RM220.00 seorang murid setahun			
xxi.	Produksi Multimedia		RM180.00 seorang murid setahun			
xxii.	Reka Bentuk Grafik Digital		RM180.00 seorang murid setahun			
2.5	Kemahiran / Kemahiran Asas Vokasional					
i.	Asas Masakan					
ii.	Asas Tanaman					
iii.	Asas Akuakultur					
iv.	Asas Refleksologi					
v.	Asas Pembuatan Perabot					
vi.	Asas Jahitan					
vii.	Asas Multimedia					
viii.	Kraf – Seni Kraf Anyaman					
ix.	Kraf – Seni Kraf Batik					
x.	Kraf – Seni Kraf Manik					
xi.	Asas Pertanian - Perkebunan		RM150.00 seorang murid setahun			

BIL.	BANTUAN PER KAPITA		100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
	xii.	Asas Pertanian – Pemeliharaan Haiwan				
	xiii.	Perkhidmatan dan Penyelenggaraan - Pembungkusan				
	xiv.	Perkhidmatan dan Penyelenggaraan – Mendobi				
	xv.	Perkhidmatan dan Penyelenggaraan – Mencuci Kenderaan				
	xvi.	Perkhidmatan dan Penyelenggaraan – Pencetakan				
	xvii.	Perkhidmatan dan Penyelenggaraan – Pengemasan				
B	Kertas Ujian Dalaman (KUD)		RM10.00 seorang murid setahun			
C	Kegiatan Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral		RM6.00 seorang murid setahun			

II. BANTUAN GERAN PER KAPITA (PCG) BUKAN MATA PELAJARAN

1. PENGENALAN

- 1.1 Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Bukan Mata Pelajaran merupakan bantuan kewangan yang diperuntukkan kepada sekolah berdasarkan kadar yang ditetapkan dan enrolmen murid yang bersekolah di Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan bagi tujuan menampung perbelanjaan program pembangunan sahsiah diri dan kebajikan murid serta pentadbiran sekolah dan asrama.
- 1.2 PCG Bukan Mata Pelajaran terdiri daripada enam (6) sub aktiviti iaitu:
 - a) Pusat Sumber Sekolah;
 - b) Bimbingan dan Kaunseling;
 - c) Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun / Lain-lain Perbelanjaan Berulang Khas (LPBT/LPK) Sekolah;
 - d) Skim Perlindungan Takaful;
 - e) Yuran Khas Sekolah (YKS); dan
 - f) Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun / Lain-lain Perbelanjaan Berulang Khas (LPBT/LPK) Asrama

2. MAKSUD BELANJA PCG BUKAN MATA PELAJARAN SEKOLAH RENDAH / SEKOLAH MENENGAH

- 2.1 Perincian bagi maksud belanja PCG Bukan Mata Pelajaran adalah seperti dalam Jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Maksud Belanja Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Bukan Mata Pelajaran

BIL.	JENIS PCG	MAKSUD BELANJA	
a.	Pusat Sumber Sekolah	i.	Pembelian aset dan bahan habis guna bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
		ii.	Pembelian bahan bacaan atau rujukan pelbagai bentuk yang bersesuaian untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
		iii.	Penyelenggaraan dan pemberian aset sedia ada yang digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
		iv.	Program berunsurkan pendidikan yang boleh memberi pengukuhan kepada proses pengajaran dan pembelajaran sama ada semasa cuti persekolahan atau hari persekolahan
		v.	Bayaran perkhidmatan penceramah / fasilitator mengikut kelayakan dalam peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.
		vi.	Perolehan harta modal dibenarkan tetapi hendaklah dibincangkan dan dipersetujui oleh Ketua Bidang atau Panitia seterusnya

BIL.	JENIS PCG	MAKSUD BELANJA
		<p>diluluskan oleh Pengurus Sekolah. Pembelian hendaklah mematuhi peraturan di bawah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Rendah : Tidak melebihi RM5,000 atau 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Bukan Mata Pelajaran (Tidak termasuk komponen LPBT/LPK Sekolah & Asrama) mana yang lebih rendah. • Sekolah Menengah : RM10,000 atau 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Bukan Mata Pelajaran (Tidak termasuk komponen LPBT/LPK Sekolah & Asrama). • Sekolah Kurang Murid (Rendah / Menengah) : Tidak melebihi 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Bukan Mata Pelajaran.
		vii. Perolehan harta modal yang melebihi kadar yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua PTJ
		viii. Perolehan atau penggantian alat pendingin udara tidak dibenarkan. Peruntukan bagi tujuan ini hendaklah dipohon daripada Ketua PTJ masing-masing.
		ix. Bagi perolehan ICT, sekolah hendaklah mematuhi tatacara Perolehan ICT yang berkuatkuasa.
b.	Bimbingan dan Kaunseling	<p>i. Pembelian aset dan bahan habis guna bagi tujuan aktiviti bimbingan dan kaunseling murid.</p> <p>ii. Pembelian bahan bacaan atau rujukan yang bersesuaian untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>iii. Program dan lawatan berunsurkan pendidikan yang boleh memberi pengukuhan kepada proses pengajaran dan pembelajaran sama ada semasa cuti persekolahan atau hari persekolahan.</p> <p>iv. Penyelenggaraan dan pemberian inventori dan harta modal yang digunakan untuk tujuan aktiviti bimbingan dan kaunseling.</p> <p>v. Bayaran perkhidmatan penceramah / fasilitator mengikut kelayakan dalam peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.</p> <p>vi. Perolehan harta modal dibenarkan tetapi hendaklah dibincangkan dan dipersetujui oleh Ketua Bidang atau Panitia dan diluluskan oleh Pengurus Sekolah. Pembelian hendaklah mematuhi peraturan di bawah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Rendah : Tidak melebihi RM5,000 atau 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Bukan Mata Pelajaran (Tidak termasuk komponen LPBT/LPK Sekolah & Asrama) mana yang lebih rendah. • Sekolah Menengah : RM10,000 atau 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Bukan Mata Pelajaran (Tidak termasuk komponen LPBT/LPK Sekolah & Asrama).

BIL.	JENIS PCG	MAKSUD BELANJA	
			<ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Kurang Murid (Rendah / Menengah) : Tidak melebihi 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Bukan Mata Pelajaran.
		vii.	Perolehan atau pengantian alat pendingin udara tidak dibenarkan. Peruntukan bagi tujuan ini hendaklah dipohon daripada Ketua PTJ masing-masing.
		viii.	Perolehan harta modal yang melebihi kadar yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua PTJ
		ix.	Bagi perolehan ICT, sekolah hendaklah mematuhi tatacara Perolehan ICT yang berkuatkuasa.
c.	LPBT/LPK Sekolah	i.	Pembelian aset dan bahan habis guna untuk kegunaan pejabat dan sekolah.
		ii.	Pembaikan kecil infrastruktur sekolah yang tidak melibatkan kerja-kerja naik taraf dan ubahsuai.
		iii.	Penyelenggaraan dan pembaikan aset pejabat dan sekolah.
		iv.	Penyediaan dan perkhidmatan percetakan untuk pengurusan sekolah dan bahan pengajaran dan pembelajaran.
		v.	Bekalan dan perkhidmatan berkaitan pentadbiran dan pengurusan sekolah.
		vi.	Pengangkutan barang-barang.
		vii.	Pembelian bahan bakar, bahan habis guna dan ubat-ubatan.
		viii.	Perbelanjaan bagi keraian yang melibatkan lawatan pihak luar atas urusan rasmi.
		ix.	Perolehan harta modal (kecuali alat pendingin udara) dengan nilai keseluruhan peruntukan LPBT/LPK Sekolah yang digunakan tidak melebihi RM5,000.00 setahun.
		x.	Perolehan harta modal yang melebihi kadar yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua PTJ
		xi.	Peruntukan bagi perolehan alat pendingin udara hendaklah dipohon daripada Ketua PTJ masing-masing.
		xii.	Bagi perolehan ICT, sekolah hendaklah mematuhi tatacara Perolehan ICT yang berkuatkuasa.
		xiii.	Bayaran balik tambang pengangkutan kepada guru atau kakitangan sekolah bagi urusan kecemasan berdasarkan kelayakan tambang teksi atau e-hailing.
		xiv.	Pengangkutan murid dan bayaran insurans untuk guru pengiring.
		xv.	Perbelanjaan penyediaan makan minum untuk mesyuarat pentadbiran dan pengurusan sekolah.

BIL.	JENIS PCG	MAKSUD BELANJA	
d.	Skim Perlindungan Takaful	i.	Setiap murid warganegara Malaysia yang berdaftar di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan mulai 1 Januari sehingga 31 Disember tahun yang sama akan dilindungi secara automatik sepanjang tempoh tersebut.
		ii.	Ini juga termasuk murid Tingkatan 6 Rendah yang baru mendaftar pada bulan Jun tahun semasa juga turut dilindungi mulai 1 Januari tahun yang sama dan layak membuat tuntutan kepada Syarikat Takaful sekiranya berlaku kecelakaan dalam tempoh perlindungan.
		iii.	Perlindungan adalah 24 jam sehari dan meliputi seluruh dunia.
		iv.	Bagi murid bukan warganegara , Pengurus Sekolah hendaklah mengutip bayaran insurans daripada ibu bapa atau penjaga murid dan menguruskan pembayaran kepada cawangan Syarikat Takaful yang berdekatan.
e.	Yuran Khas Sekolah (YKS)	i.	Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan YKS adalah meliputi sebarang kos pengurusan dan pentadbiran serta perolehan bagi pelaksanaan program/aktiviti berikut:
		a.	Sukan / Permainan;
		b.	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan;
		c.	Program Lukisan / Kerja Tangan / Kraftangan;
		d.	Pendidikan Seni Visual dan Muzik; dan
		e.	Pusat Sumber Sekolah.
f.	LPBT/LPK Asrama	i.	Pembelian inventori, bahan bakar dan ubat.
		ii.	Pembaikan kecil infrastruktur asrama yang tidak melibatkan kerja-kerja naik taraf dan ubahsuai.
		iii.	Penyelenggaraan dan pembaikan inventori dan harta modal di asrama.
		iv.	Perkhidmatan percetakan untuk pengurusan asrama dan bahan pengajaran dan pembelajaran.
		v.	Perkhidmatan pengiklanan.
		vi.	Pembelian surat khabar, majalah, buku rujukan dan lain-lain yang berkaitan untuk kegunaan penghuni asrama.
		vii.	Bayaran bil utiliti telefon, air, elektrik, telegram, setem, internet dan pembetungan.
		viii.	Perbelanjaan untuk keceriaan (yang tidak melibatkan pembinaan)/kesihatan murid/keselamatan penghuni asrama.
		ix.	Pembelian bahan habis guna untuk kegunaan pengurusan asrama.
		x.	Pengangkutan murid dan bayaran insurans untuk guru pengiring.
		xi.	Perolehan harta modal (kecuali alat pendingin udara) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan peruntukan LPBT/LPK Asrama setahun.
		xii.	Bayaran balik tambang pengangkutan kepada guru/warden/kakitangan sekolah bagi urusan kecemasan berdasarkan kelayakan tambang teksi.

BIL.	JENIS PCG	MAKSUD BELANJA
	xiii.	Perbelanjaan penyediaan makan minum untuk mesyuarat pentadbiran dan pengurusan asrama.
	xiv.	<p>Perolehan harta modal dibenarkan tetapi hendaklah dipersetujui oleh Ketua Bidang/Ketua Panitia seterusnya diluluskan oleh Pengurus Sekolah dalam mesyuarat pentadbiran. Perolehan hendaklah mematuhi peraturan di bawah;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyelenggaraan dan pemberian kecil sekolah dan asrama dengan jumlah perbelanjaan tidak melebihi RM20,000 bagi setiap kerja dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan tidak melebihi RM50,000 (contoh: penggantian pintu dan/atau tombol pintu, jubin lantai pecah/rosak, cermin tingkap pecah, kerosakan tandas, saluran paip bocor/pecah). Pihak sekolah dilarang sama sekali melakukan kerja-kerja ubah suai, menaiki taraf dan binaan baru. • Penyelenggaraan/pembentukan kritis sekolah dan asrama akibat bencana alam dengan jumlah perbelanjaan tidak melebihi RM50,000.
	xv.	Perolehan atau penggantian alat pendingin udara tidak dibenarkan . Peruntukan bagi tujuan ini hendaklah dipohon daripada Ketua PTJ masing-masing.
	xvi.	Perolehan harta modal yang melebihi kadar yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan Ketua PTJ terlebih dahulu.
	xvii.	Bagi perolehan ICT, sekolah hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua PTJ dan mematuhi tatacara Perolehan ICT yang berkuatkuasa.

2.2 Peluasan Maksud Belanja Baki Bawa ke Tahun Hadapan bagi PCG Bukan Mata Pelajaran (Baki Peruntukan Tahun-Tahun Sebelumnya) Selain daripada Maksud Belanja Asal:

- a. Perolehan aset (kecuali alat pendingin udara) termasuk penggantian perabot bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran;
- b. Penyelenggaraan dan pemberian kecil sekolah dan asrama dengan jumlah perbelanjaan tidak melebihi RM20,000 bagi setiap kerja dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan tidak melebihi RM50,000 (contoh: penggantian pintu, tombol pintu, jubin lantai pecah/rosak, cermin tingkap pecah, kerosakan tandas, saluran paip bocor/pecah). **Pihak sekolah dilarang sama sekali melakukan kerja-kerja ubah suai, menaik taraf dan binaan baru;**

- c. Penyelenggaraan atau pemberian kritikal sekolah akibat bencana alam dengan jumlah perbelanjaan tidak melebihi RM50,000; dan
- d. Peralatan ICT yang tidak memerlukan kelulusan JPICT dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan tidak melebihi RM5,000. Perolehan komputer tablet **TIDAK DIBENARKAN**.

3. KADAR

3.1 Kadar PCG Bukan Mata Pelajaran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- a. Kadar PCG Bukan Mata Pelajaran Bagi Sekolah Rendah - **Jadual 8**
- b. Kadar PCG Bukan Mata Pelajaran Bagi Sekolah Menengah - **Jadual 9**
- c. Kadar PCG Bukan Mata Pelajaran Bagi Sekolah Pendidikan Khas / Program Pendidikan Khas Integrasi / Program Pendidikan Inklusif (Rendah) - **Jadual 10**
- d. Kadar PCG Bukan Mata Pelajaran Bagi Sekolah Pendidikan Khas / Program Pendidikan Khas Integrasi / Program Pendidikan Inklusif (Menengah) - **Jadual 11**

JADUAL 8 : KADAR PCG BUKAN MATA PELAJARAN BAGI SEKOLAH RENDAH

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	≤ 20 MURID	21 - 50 MURID	51 - 100 MURID	101 - 150 MURID	151 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
A. PCG BUKAN MATA PELAJARAN								
1	Pusat Sumber Sekolah	RM1,500	RM2,000	RM2,000 + RM10 seorang melebihi 50 orang.	RM2,500 + RM10 seorang melebihi 100 orang.	RM3,000 + RM12 seorang melebihi 150 orang.	RM7,200 + RM13 seorang melebihi 500 orang.	RM13,700 + RM12 seorang melebihi 1000 orang.
2	Bimbingan dan Kaunseling	RM500	RM500	RM500 + RM10 seorang melebihi 50 orang.	RM1,000 + RM10 seorang melebihi 100 orang.	RM1,500 + RM3 seorang melebihi 150 orang.	RM2,500 + RM3.50 seorang melebihi 500 orang.	RM4,300 + RM3.50 seorang melebihi 1000 orang.
3	LPBT/LPK Sekolah	RM5,000	RM6,300	RM6,900	RM7,500	RM7,500 + RM21 seorang melebihi 150 orang.	RM14,850 + RM28 seorang melebihi 500 orang.	RM28,850 + RM27 seorang melebihi 1000 orang.
4	Skim Perlindungan Takaful					RM1.50 seorang murid setahun		
5	Yuran Khas Sekolah					RM4.50 seorang murid setahun		
6	LPBT/LPK Asrama					RM60.00 seorang murid setahun		

JADUAL 9 : KADAR PCG BUKAN MATA PELAJARAN BAGI SEKOLAH MENENGAH

BIL.	JENIS BANTUAN	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID KE ATAS
A.	PCG BUKAN MATA PELAJARAN				
1	Pusat Sumber Sekolah	RM1,500	RM1,500 + RM 14 seorang melebihi 100 orang.	RM7,100 + RM 13 seorang melebihi 500 orang.	RM13,600 + RM 12 seorang melebihi 1000 orang.
2	Bimbingan & Kaunseling	RM600	RM600 + RM 5.50 seorang melebihi 100 orang.	RM2,800 + RM 5 seorang melebihi 500 orang.	RM5,300 + RM 4.50 seorang melebihi 1000 orang.
3	LPBT/LPK Sekolah				
3.1	Sekolah Menengah Harian / SABK	RM5,000	RM5,000 + RM 49 seorang melebihi 100 orang.	RM24,600 + RM 48 seorang melebihi 500 orang.	RM48,600 + RM 47 seorang melebihi 1000 orang.
3.2	Sekolah Berasrama Penuh (SBP) / Sekolah Sukan Malaysia / Sekolah Seni Malaysia		RM62.00 seorang murid setahun		
3.3	Sekolah Menengah Teknik / Vokasional		RM76.00 seorang murid setahun		
4	Skim Perlindungan Takaful		RM1.50 seorang murid setahun		
5	Yuran Khas Sekolah		RM9.00 seorang murid setahun		
6	LPBT/LPK Asrama		RM60.00 seorang murid setahun		

**JADUAL 10 : KADAR PCG BUKAN MATA PELAJARAN BAGI SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS / PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI /
PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (RENDAH)**

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	≤ 20 MURID	21 - 50 MURID	51 - 100 MURID	101 - 150 MURID	151 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
A. PCG BUKAN MATA PELAJARAN								
1	Pusat Sumber Sekolah	Ketidakupayaan Pembelajaran / Ketidakupayaan Pertuturan / Ketidakupayaan Fizikal / Ketidakupayaan Pelbagai - RM40 seorang murid setahun						
2	Bimbingan dan Kaunseling				RM12 seorang murid setahun			
3	LPBT/LPK Sekolah	Ketidakupayaan Pembelajaran / Ketidakupayaan Pertuturan / Ketidakupayaan Fizikal / Ketidakupayaan Pelbagai - RM180 seorang murid setahun						
4	Skim Perlindungan Takaful				RM1.50 seorang murid setahun			
5	Yuran Khas Sekolah				RM4.50 seorang murid setahun			
6	LPBT/LPK Asrama				RM60.00 seorang murid setahun			

JADUAL 11 : KADAR PCG BUKAN MATA PELAJARAN BAGI SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS / PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI / PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (MENENGAH)

BIL.	BANTUAN PER KAPITA	100 MURID DAN KE BAWAH	101 - 500 MURID	501 - 1000 MURID	1001 MURID DAN KE ATAS
A.	PCG BUKAN MATA PELAJARAN				
1	Pusat Sumber Sekolah	Ketidakupayaan Penglihatan - RM80 seorang murid setahun Ketidakupayaan Pendengaran - RM60 seorang murid setahun Ketidakupayaan Pembelajaran / Ketidakupayaan Pertuturan / Ketidakupayaan Fizikal / Ketidakupayaan Pelbagai - RM60 seorang murid setahun			
2	Bimbingan dan Kaunseling	RM15.00 seorang murid setahun			
3	LPBT/LPK Sekolah	Ketidakupayaan Penglihatan - RM300 seorang murid setahun Ketidakupayaan Pendengaran - RM280 seorang murid setahun Ketidakupayaan Pembelajaran / Ketidakupayaan Pertuturan / Ketidakupayaan Fizikal / Ketidakupayaan Pelbagai - RM280 seorang murid setahun			
4	Skim Perlindungan Takaful	RM1.50 seorang murid setahun			
5	Yuran Khas Sekolah	RM9.00 seorang murid setahun			
6	LPBT/LPK Asrama	RM60.00 seorang murid setahun			

III. BANTUAN PRASEKOLAH

1. PENGENALAN

1.1 Kementerian memperuntukkan 4 jenis bantuan prasekolah kepada setiap murid yang bersekolah di kelas prasekolah di Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan iaitu:

- a. Geran Per Kapita (PCG) Prasekolah;
- b. Makanan Prasekolah;
- c. Sukan dan Kokurikulum Prasekolah; dan
- d. Skim Perlindungan Takaful Prasekolah.

2. MAKSUD BELANJA

2.1 Maksud belanja bagi bantuan prasekolah adalah seperti berikut:

Jadual 12: Maksud Belanja Bantuan Prasekolah

BIL.	JENIS BANTUAN PRASEKOLAH	MAKSUD BELANJA	
a	PCG Prasekolah	i.	Pembelian inventori, bahan habis guna dan bahan bacaan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
		ii.	Perkhidmatan percetakan bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran
		iii.	Penyelenggaraan dan pemberian aset sedia ada yang digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
		iv.	Pelaksanaan aktiviti dan program berunsur pendidikan bagi tujuan pengukuhan program pengajaran dan pembelajaran
		v.	Perolehan harta modal adalah tidak dibenarkan.
		vi.	Bagi perolehan ICT, sekolah hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua PTJ dan mematuhi tatacara Perolehan ICT yang berkuatkuasa.
		vii.	Baki bawa kehadapan bagi PCG Prasekolah hendaklah dibelanjakan berdasarkan Maksud Belanja Tahun Semasa.
b	Makanan Prasekolah	i.	Perolehan bahan mentah memasak
		ii	Perolehan makanan bermasak dalam keadaan tertentu yang munasabah selepas mendapat kelulusan Ketua PTJ.
		iii.	Gas atau bahan api memasak
		iv.	Makanan tambahan berkhasiat yang dibenarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
		v.	Bahan dan peralatan lain yang melibatkan penyediaan dan pengurusan makanan kepada murid di kelas prasekolah. Pembelian ini hendaklah menggunakan baki peruntukan tahun sebelum. Kelonggaran dibenarkan jika dalam keadaan kecemasan, atau setelah mengambil kira unjuran keperluan tahunan.
c	Sukan & Kokurikulum Prasekolah	i.	Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan Sukan dan Kokurikulum Prasekolah adalah meliputi sebarang kos pengurusan, pentadbiran dan perolehan bagi aktiviti berikut:

BIL.	JENIS BANTUAN PRASEKOLAH	MAKSUD BELANJA	
			<ul style="list-style-type: none"> a. Sukan/sukaneka/permainan; b. Karnival Pendidikan Prasekolah; c. Konvokesyen; d. Lawatan berunsur pendidikan atau pembangunan sahsiah diri murid; dan e. Program lain yang berkaitan dengan sukan dan kurikulum yang melibatkan murid prasekolah.
		ii.	<p>Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti di para i. adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring prasekolah/pembantu pengurusan murid; b. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna; c. pembelian dan penyelenggaraan peralatan sukan dan kurikulum prasekolah; d. pembayaran yuran pendaftaran/penyertaan murid; dan e. pembelian hadiah aktiviti.
d	Skim Perlindungan Takaful	i.	Setiap murid warganegara Malaysia yang berdaftar di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan mulai 1 Januari tahun semasa sehingga 31 Disember tahun yang sama akan dilindungi secara automatik sepanjang tempoh tersebut.
		ii.	Perlindungan adalah 24 jam sehari dan meliputi seluruh dunia.
		iii.	Bagi murid bukan warganegara , Pengurus Sekolah hendaklah mengutip bayaran insurans daripada ibu bapa atau penjaga murid dan menguruskan pembayaran kepada cawangan Syarikat Takaful yang berdekatan.

3. KADAR

3.1 Kadar bagi Bantuan Prasekolah adalah seperti berikut:

Jadual 13 : Kadar Bantuan Prasekolah

BIL.	JENIS BANTUAN PRASEKOLAH	KADAR BANTUAN
a.	PCG Prasekolah	RM100.00 seorang murid setahun
b.	Makanan Prasekolah (Semenanjung)	RM2.00 seorang murid untuk tempoh 200 hari setahun
	Makanan Prasekolah (Sabah, Sarawak & Labuan)	RM2.25 seorang murid untuk tempoh 200 hari setahun
c.	Sukan dan Kokurikulum Prasekolah	RM25.00 seorang murid setahun
d.	Skim Perlindungan Takaful Prasekolah	RM1.50 seorang murid setahun

IV. BANTUAN SUKAN

1. PENGENALAN

- 1.1. Bantuan Sukan diwujudkan bagi membiayai aktiviti sukan dan permainan murid Tahun 1 hingga Tingkatan 6 yang bersekolah di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) di bawah KPM.
- 1.2 Bantuan Sukan terdiri daripada tiga (3) sub aktiviti iaitu:
 - a) Sukan dan Permainan Sekolah;
 - b) Sukan Tahunan Sekolah; dan
 - c) Yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).

2. MAKSUD BELANJA

- 2.1. Kadar Bantuan Sukan yang layak dituntut oleh sekolah untuk murid adalah seperti berikut:

Jadual 14: Maksud Belanja Bantuan Sukan

BIL.	JENIS BANTUAN SUKAN	MAKSUD BELANJA	
a.	Sukan dan Permainan Sekolah	i.	Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan sukan dan permainan sekolah adalah meliputi: <ol style="list-style-type: none">a. Pembelian dan penyelenggaraan peralatan sukan dan permainan;b. Aktiviti pra kejohanan seperti sukan tara dan merentas desa;c. Karnival permainan pelbagai peringkat; dand. Program-program sukan dan permainan yang diadakan sepanjang tahun semasa sama ada di dalam atau luar sekolah.e. Program sukan/permainan yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Permainan.
		ii.	Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti di para i adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none">a. pengendalian dan pengurusan kelab-kelab sukan dan permainan;b. kursus/taklimat pendedahan sukan dan permainan kepada murid;c. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring;d. perolehan / penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna;e. pembelian dan penyelenggaraan peralatan sukan sekolah;f. penyediaan / pembelian hadiah, cenderahati, pingat dan piala;g. bayaran kepada pengadil / jurulatih;h. pemberian wang saku kepada murid dalam kadar yang munasabah (bertujuan perbelanjaan makan minum semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat program/aktiviti); dani. pembayaran yuran pendaftaran/penyertaan murid.

BIL.	JENIS BANTUAN SUKAN	MAKSUD BELANJA			
b.	Sukan Tahunan Sekolah	i	Perbelanjaan bagi pengelolaan kejohanan sukan tahunan sekolah.		
		ii	Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti di para i adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring; b. perolehan / penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna; c. penyediaan / pembelian hadiah, cenderahati, pingat dan piala; dan d. bayaran kepada pengadil / jurulatih. 		
		iii.	Sekiranya peruntukan masih berbaki setelah sukan tahunan sekolah dilaksanakan, baki tersebut dibenarkan dibelanjakan untuk aktiviti sukan yang lain.		
		iv.	Bagi murid bukan warganegara, Pengurus Sekolah hendaklah mengutip bayaran bagi Sukan Tahunan Sekolah daripada ibu bapa atau penjaga murid masing-masing.		
c.	Yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM)	i.	Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan Yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) adalah meliputi kos pengelolaan kejohanan MSSM di pelbagai peringkat iaitu: <ul style="list-style-type: none"> a. Daerah; b. Negeri; dan c. Kebangsaan. 		
		ii.	Bagi murid bukan warganegara, Pengurus Sekolah hendaklah mengutip bayaran bagi Yuran MSSM daripada ibu bapa atau penjaga murid masing-masing.		

3. KADAR

3.1. Kadar Bantuan Sukan yang layak dituntut oleh sekolah untuk murid adalah seperti berikut:

Jadual 15: Kadar Bantuan Sukan

BIL.	JENIS BANTUAN	KATEGORI SEKOLAH	KADAR SETAHUN			
a.	Sukan dan Permainan Sekolah	Rendah	Enrolmen Murid (orang)			
			1 – 50	51 – 100	101 – 150	151 dan ke atas
		Menengah	RM 200 sebuah sekolah	RM 400 sebuah sekolah	RM 600 sebuah sekolah	RM 4 seorang murid
			RM 6 seorang murid setahun			

BIL.	JENIS BANTUAN	KATEGORI SEKOLAH	KADAR SETAHUN
		Rendah (Pendidikan Khas)	RM2,500 sebuah sekolah setahun
		Menengah (Pendidikan Khas)	RM5,000 sebuah sekolah setahun
b.	Sukan Tahunan Sekolah	Rendah	RM6.00 seorang murid setahun
		Menengah	RM6.00 seorang murid setahun
c.	Yuran MSSM	Rendah	RM2.00 seorang murid setahun
		Menengah	RM4.00 seorang murid setahun

V. BANTUAN KOKURIKULUM

1. PENGENALAN

- 1.1. Bantuan Kokurikulum merupakan peruntukan kewangan tahunan sekolah yang disediakan berdasarkan kadar yang ditetapkan dan enrolmen murid di peringkat rendah dan menengah bagi menampung keperluan perbelanjaan kegiatan kokurikulum murid yang bersekolah di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) di bawah KPM.
- 1.2 Bantuan Kokurikulum terdiri daripada tiga (3) sub aktiviti iaitu:
 - a) Kokurikulum Sekolah;
 - b) Kokurikulum Tambahan; dan
 - c) Kokurikulum Asrama.

2. MAKSUD BELANJA

- 2.1. Kadar Bantuan Sukan yang layak dituntut oleh sekolah untuk murid adalah seperti berikut:

Jadual 16: Maksud Belanja Bantuan Kokurikulum

BIL.	JENIS BANTUAN KOKURIKULUM	MAKSUD BELANJA	
a.	Kokurikulum Sekolah	i.	Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan Kokurikulum Sekolah adalah meliputi aktiviti: <ol style="list-style-type: none">a. Pasukan Badan Beruniform;b. Semua aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab dan Persatuan (tidak termasuk Kelab Sukan dan Permainan); danc. Aktiviti sokongan pembentukan, pemupukan dan pembangunan sahsiah diri murid seperti perkhemahan, seminar, kolokium, latihan dan kursus (tidak termasuk aktiviti bimbingan dan kaunseling serta kecemerlangan akademik).
		ii.	Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan perolehan yang melibatkan aktiviti di para i adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none">a. Pengendalian dan pengurusan pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan;b. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring;c. pembayaran yuran pendaftaran/penyertaan murid;d. penyediaan / pembelian hadiah, cenderahati, pingat dan piala; dane. pemberian wang saku kepada murid dalam kadar yang munasabah (bertujuan perbelanjaan makan minum semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat program/aktiviti).
b.	Kokurikulum Tambahan	i.	Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan Kokurikulum Tambahan adalah meliputi aktiviti: <ol style="list-style-type: none">a. Pasukan Badan Beruniform;b. Semua aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab dan Persatuan (tidak termasuk Kelab Sukan dan Permainan).

BIL.	JENIS BANTUAN KOKURIKULUM	MAKSUD BELANJA		
			c.	dan Permainan); dan Aktiviti sokongan pembentukan, pemupukan dan pembangunan sahsiah diri murid seperti perkhemahan, seminar, kolokium, latihan dan kursus (tidak termasuk aktiviti bimbingan dan kaunseling serta kecemerlangan akademik).
		ii.		Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan perolehan yang melibatkan aktiviti di para i adalah seperti berikut: a. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna; dan b. pembelian dan penyelenggaraan peralatan kokurikulum sekolah;
		iii.		Bagi murid bukan warganegara, Pengurus Sekolah hendaklah mengutip bayaran bagi Kokurikulum Tambahan daripada ibu bapa atau penjaga murid masing-masing.
c.	Kokurikulum Asrama	i.		Perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan peruntukan BKKA adalah meliputi semua aktiviti kokurikulum dan sukan/permainan dan melibatkan murid yang menghuni di asrama : a. program/aktiviti pembangunan sahsiah diri dan peningkatan kendiri bagi murid asrama; b. aktiviti sukan dan permainan bagi murid di asrama; dan c. aktiviti sokongan pembentukan, pemupukan dan pembangunan sahsiah dan kerohanian murid seperti perkhemahan, seminar, kolokium dan kursus kepimpinan (tidak termasuk aktiviti bimbingan dan kaunseling serta kecemerlangan akademik).
		ii		Perbelanjaan yang dibenarkan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti di para i. adalah seperti berikut: a. urusan makan minum, penginapan, sewaan dan pengangkutan murid serta guru pengiring; b. perolehan/penyediaan bahan cetak dan bahan habis guna; c. pembelian dan penyelenggaraan peralatan kokurikulum asrama; d. pemberian wang saku kepada murid dalam kadar yang munasabah (bagi tujuan perbelanjaan makan minum semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat aktiviti); e. pembayaran yuran pendaftaran/penyertaan; f. pembelian hadiah aktiviti; dan g. bayaran kepada tenaga pengajar luar.

2. KADAR

2.1. Kadar Bantuan Kokurikulum yang layak dituntut oleh sekolah adalah seperti berikut.

Jadual 17: Kadar Bantuan Kokurikulum

Jenis Bantuan Kokurikulum	Kategori Sekolah	Kadar Setahun			
		Enrolmen (murid)			
Kokurikulum Sekolah	Rendah	1 – 50	51 – 100	101 – 150	151 dan ke atas
		RM400 sebuah sekolah	RM800 sebuah sekolah	RM1,200 sebuah sekolah	RM8 seorang murid
		Menengah	RM10 seorang murid setahun		

Jenis Bantuan Kokurikulum	Kategori Sekolah	Kadar Setahun
	Rendah (Pendidikan Khas)	RM5,000 sebuah sekolah
	Menengah (Pendidikan Khas)	RM10,000 sebuah sekolah
Kokurikulum Tambahan	Rendah	RM3 seorang murid setahun
	Menengah	RM6 seorang murid setahun
Kokurikulum Asrama	Rendah	RM15 seorang murid setahun
	Menengah	RM20 seorang murid setahun

BAB B: PROSEDUR TUNTUTAN AWAL

1. Tuntutan awal BP Umum bagi tahun semasa hendaklah dipohon oleh sekolah berdasarkan enrolmen murid pada **1 Oktober tahun sebelumnya**. Perubahan data enrolmen murid selepas tarikh yang ditetapkan akan diselaraskan semasa tempoh pelarasannya pada bulan Jun tahun semasa.
2. Permohonan tuntutan awal sekolah hendaklah dikemukakan kepada Ketua PTJ masing-masing **mulai 1 Oktober dan selewat-lewatnya pada 31 Oktober tahun sebelumnya**. Permohonan dibuat dengan menggunakan **Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Rendah (Borang TBP/R)** bagi murid di sekolah rendah atau **Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Menengah (Borang TBP/M)** bagi murid di sekolah menengah (Sila Rujuk di Bab G).
3. Apabila permohonan telah diterima, Ketua PTJ hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
 - a. Mengunci masuk maklumat tuntutan sekolah ke dalam **Sistem eBantuan mulai 1 November dan selewat-lewatnya pada 30 November tahun sebelumnya**; dan
 - b. Mencetak Surat Makluman Tuntutan Awal Bantuan Persekolahan KPM daripada sistem dan membuat edaran kepada sekolah berkenaan **selewat-lewatnya pada 30 November tahun sebelumnya** untuk semakan segera. Sekolah hendaklah memaklumkan sebarang kesilapan dalam data tuntutan tersebut kepada pihak PTJ dalam tempoh **7 hari bekerja daripada tarikh penerimaan surat tersebut**.
4. Selepas daripada tarikh penutupan Sistem eBantuan, Ketua PTJ **TIDAK DIBENARKAN** meminda data dalam sistem. **Sekiranya terdapat sekolah yang tercicir daripada mengemukakan permohonan (kecuali sekolah baru beroperasi – Sila rujuk di Bab E), ia hanya akan diproses semasa tuntutan pelarasannya pada bulan Jun tahun semasa.**

5. Peruntukan awal tahun akan disalurkan terus ke akaun bank sekolah berdasarkan maklumat enrolmen pada 1 Oktober tahun sebelumnya yang dikunci masuk oleh Ketua PTJ ke dalam Sistem eBantuan.
6. Bagi peruntukan bantuan yang disalurkan terus ke akaun bank sekolah oleh BKew, KPM, pihak sekolah hendaklah mengambil tindakan berikut:
 - a. Mengeluarkan Resit Rasmi Pejabat (RP01); dan
 - b. Merekodkan jumlah peruntukan BP Umum yang diterima ke dalam Buku Tunai Akaun Sekolah Kumpulan Wang Kerajaan (WK) dan Kumpulan Wang Asrama (KWA) bagi sekolah berasrama.
7. Sekolah dinasihatkan untuk menyimpan peruntukan yang diterima pada awal tahun semasa, **sekurang-kurangnya 5% atau 100 orang murid sehingga bulan Jun tahun semasa** supaya tidak terlebih berbelanja daripada kelayakan sebenar sekiranya berlaku pengurangan murid pada tarikh pelarasan iaitu 1 Jun tahun semasa.

BAB C: PROSEDUR TUNTUTAN PELARASAN

1. Pihak sekolah **WAJIB** melaksanakan pelarasan peruntukan tahun semasa untuk mengenalpasti peruntukan sebenar yang layak diterima oleh sekolah bagi tahun tersebut.
2. Pelarasan peruntukan tahun semasa hendaklah dibuat berdasarkan perbezaan enrolmen murid pada 1 Oktober tahun sebelumnya dengan enrolmen murid pada 1 Jun tahun semasa.
3. Sekolah hendaklah menggunakan asas pelarasan seperti jadual di bawah:

JENIS BANTUAN	ASAS PELARASAN
PCG Mata Pelajaran; dan PCG Bukan Mata Pelajaran	Pertambahan / pengurangan murid sekurang-kurangnya 5% (dibundarkan kepada nombor bulat terdekat) atau 100 orang murid mana yang lebih rendah.
Bantuan Prasekolah; Bantuan Sukan; dan Bantuan Kokurikulum	Sebarang pertambahan atau pengurangan murid.

4. Maklumat pelarasan hendaklah dikemukakan kepada Ketua PTJ masing-masing **mulai 1 Jun dan selewat-lewatnya pada 30 Jun tahun semasa** dengan mengisi Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Rendah (Borang TBP/R) bagi murid sekolah rendah atau Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Menengah (Borang TBP/M) bagi murid sekolah menengah (Sila rujuk di Bab G).
5. Apabila maklumat tuntutan pelarasan telah diterima, Ketua PTJ hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
 - a. Mengunci masuk maklumat tuntutan pelarasan sekolah ke dalam sistem **mulai 1 Julai dan selewat-lewatnya pada 31 Julai tahun semasa**; dan
 - b. Mencetak surat makluman tuntutan pelarasan daripada sistem untuk edaran kepada sekolah-sekolah berkenaan **selewat-lewatnya pada 31 Julai tahun semasa**.
6. Selepas daripada tarikh tersebut, akses Ketua PTJ untuk meminda data dalam sistem **TIDAK DIBENARKAN**.

BAB D: PROSEDUR PEMULANGAN TUNTUTAN TERLEBIH TUNTUT

1. Definisi **Peruntukan Bantuan Persekolahan Terlebih Tuntut** ialah perbezaan antara jumlah peruntukan awal yang diterima pada tahun semasa dengan jumlah peruntukan yang layak diterima selepas pelarasan 1 Jun tahun semasa.
2. Jumlah yang perlu dipulangkan oleh sekolah adalah keseluruhan jumlah peruntukan bantuan persekolahan terlebih tuntut tersebut.
3. Peruntukan terlebih tuntut hendaklah dikemukakan kepada BKew, KPM melalui cek atas nama **Ketua Akauntan, Kementerian Pendidikan Malaysia** selewat-lewatnya pada **31 Ogos tahun semasa**.
4. Selain mengemukakan cek, sekolah juga dikehendaki untuk menyertakan bersama-sama maklumat terperinci mengenai amaun dan jenis peruntukan yang dipulangkan dengan mengisi Borang Pemulangan Peruntukan Terlebih Tuntut Bantuan Persekolahan (Umum), KPM (Borang BKew/PTT) - Sila rujuk Bab G.

BAB E: PROSEDUR TUNTUTAN BAGI SEKOLAH BARU BEROPERASI

1. Sekolah atau asrama yang baru beroperasi hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada BKew, KPM melalui Ketua PTJ masing-masing dalam kadar segera:
 - a. Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Rendah (Borang TBP/R) bagi murid sekolah rendah atau Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/Menengah (Borang TBP/M) bagi murid sekolah menengah (Sila rujuk Bab G); dan
 - b. Sesalinan penyata akaun bank sekolah yang disahkan oleh Pengurus Sekolah.
2. Maklumat tuntutan bagi sekolah baru beroperasi akan dikunci masuk ke dalam Sistem eBantuan oleh BKew, KPM.
3. Peratus peruntukan/bilangan hari tuntutan yang dibenarkan mengikut jenis bantuan adalah seperti berikut:

BP Umum Sekolah Beroperasi	Peratus Peruntukan / Bilangan Hari	
	BMP	Bantuan Persekolahan (Umum) Lain
Januari – Mac	200 hari	100%
April - Jun	140 hari	100%
Julai - September	100 hari	100%
Selepas September	50 hari	100%

4. Sekolah yang mula beroperasi antara bulan Januari sehingga Mei hendaklah mengemukakan tuntutan pelarasian seperti mana arahan di Bab C.
5. Sekolah yang mula beroperasi mulai 1 Jun tidak perlu membuat tindakan pelarasian peruntukan pada tahun ia mula beroperasi. Tindakan pelarasian peruntukan hendaklah mula dibuat pada 1 Jun tahun berikutnya.

BAB F: BAKI BAWA KE TAHUN HADAPAN

1. DEFINISI

- 1.1 **Peruntukan BP Umum Yang Sepatutnya Diterima Pada Tahun Semasa** ialah sejumlah peruntukan BP Umum tahun semasa yang layak diterima oleh sekolah berdasarkan enrolmen murid pada 1 Jun tahun semasa.
- 1.2 **Baki Peruntukan BP Umum Tahun Semasa** ialah sejumlah peruntukan BP Umum yang sepatutnya diterima pada tahun semasa termasuk baki terkumpul tahun-tahun sebelumnya tetapi tidak habis dibelanjakan sehingga 31 Disember setelah ditolak semua tanggungan perbelanjaan.
- 1.3 **Baki Bawa Ke Tahun Hadapan** ialah baki peruntukan BP Umum tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya yang tidak habis dibelanjakan dan dibawa ke tahun berikutnya.

2. BAKI BAWA KE TAHUN HADAPAN BAGI SEMUA JENIS BP UMUM

- 2.1 **Semua baki peruntukan BP Umum tahun semasa** (sekiranya ada) hendaklah dibawa ke tahun hadapan dan dibelanjakan mengikut maksud perbelanjaan yang sama dan/atau yang telah ditetapkan.

Contoh Pengiraan: Bantuan Yuran Khas Sekolah Tahun 2021	
• Baki pada 31.12.2020 dibawa ke tahun 2021 : (a)	= RM 1,500
• Peruntukan diterima pada Januari 2021 : (b) <i>(berdasarkan enrolmen murid pada 1 Oktober 2020)</i>	= RM 6,750
• Setelah pelarasan pada 1 Jun 2021, didapati berlaku pengurangan murid, maka peruntukan layak diterima oleh sekolah : (c)	= RM 6,300
• Pemulangan tuntutan terlebih tuntut tahun 2021: (d) = (b) – (c)	= RM 450
• Peruntukan yang layak diterima oleh sekolah pada tahun 2021: (e) = (a) + (c)	= RM 7,800
Sekiranya perbelanjaan sekolah pada sepanjang tahun 2021 ialah RM5,850, maka baki yang perlu dibawa ke tahun hadapan adalah sebanyak RM1,950 (RM7,800 – RM5,850).	

BAB G: LAMPIRAN BERKAITAN

Kadar Caj Aktiviti Persekolahan Murid Bukan Warganegara	- Caj B/Warganegara BP Umum
Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/ Rendah	- Borang TBP/R
Borang Tuntutan Bantuan Persekolahan/ Menengah	- Borang TBP/M
Borang Permohonan Pindah Peruntukan Bantuan Persekolahan (Umum), KPM	- Borang BKew/PP
Borang Pemulangan Peruntukan Terlebih Tuntut Bantuan Persekolahan (Umum), KPM	- Borang BKew/PTT
Format Laporan Prestasi Belanja Bantuan Persekolahan KPM	Contoh 1
Format Kertas Cadangan Pelaksanaan Program	Contoh 2

BORANG TBP/M

BORANG TUNTUTAN BANTUAN PERSEKOLAHAN SEKOLAH MENENGAH

BAGI TAHUN _____

BAHAGIAN I : MAKLUMAT ASAS SEKOLAH (Sila isikan ruangan yang berkenaan sahaja)

*Nama Sekolah :**Kod Sekolah :**Nama Pengetua :**Alamat :**No. Telefon :**No. Fax :***AKAUN SEKOLAH***Nama Bank :**Nama Benefisiri :**No. Akaun Bank :**Tarikh Asas Tuntutan :*

MAKLUMAT MURID

KATEGORI	BILANGAN MURID
	AWAL / PELARASAN
SEKOLAH MENENGAH	
<i>Tingkatan 1 - 3</i>	
<i>Tingkatan 4 - 5</i>	
<i>Tingkatan 6</i>	
<i>Program Integrasi / Pendidikan Inklusif</i>	
<i>Ketidakupayaan Penglihatan</i>	
<i>Ketidakupayaan Pendengaran</i>	
<i>Masalah Pembelajaran / Pertuturan / Fizikal / Pelbagai</i>	
<i>Warganegara</i>	
<i>Bukan Warganegara</i>	

BAHAGIAN II : TUNTUTAN BANTUAN GERAN PER KAPITA (PCG) SEKOLAH MENENGAH
(Silakan isikan ruangan yang berkenaan sahaja)

BIL.	PCG	KADAR	BIL MURID (orang)	PERUNTUKAN (RM)
A. PCG MATA PELAJARAN MENENGAH RENDAH (KELAS PERALIHAN DAN T1 - T3)				
1 MATA PELAJARAN TERAS				
	1.1 Teras:	100 murid pertama	RM2,500	
	i) Bahasa Melayu	400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM23 seorang murid	
	ii) Bahasa Inggeris			
	iii) Pendidikan Islam			
	iv) Pendidikan Moral	500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM21 seorang murid	
	v) Sains			
	vi) Matematik	setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM19 seorang murid	
	vii) Sejarah			
	<i>Jumlah Kecil</i>		0	
2 MATA PELAJARAN WAJIB				
	i) Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	100 murid pertama	RM4,500	
	ii) Geografi	400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM43 seorang murid	
	iii) Pendidikan Seni Visual			
	iv) Pendidikan Muzik	500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM41 seorang murid	
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM39 seorang murid	
	<i>Jumlah Kecil</i>		0	
	Asas Sains Komputer / Rekabentuk dan Teknologi	100 murid pertama	RM1,000	
		400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM8 seorang murid	
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM6 seorang murid	
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM4 seorang murid	
	<i>Jumlah Kecil</i>		0	
3 MATA PELAJARAN TAMBAHAN				
	3.1 Bahasa Ibunda			
	i) Bahasa Cina	100 murid pertama	RM300	
	ii) Bahasa Tamil			
	iii) Bahasa Iban			
	iv) Bahasa Kadazandusun	400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM2.10 seorang murid	
	v) Bahasa Semai			
	<i>Jumlah Kecil</i>		0	
4 LAIN-LAIN (WARGANEGERA SH.)				
	4.1 Kertas Ujian Dalam (KUD)	setiap murid	RM10 seorang murid	
	4.2 Kegiatan Pendidikan Islam / Pendidikan Moral (PIM)	setiap murid	RM6 seorang murid	
B. PCG MATA PELAJARAN MENENGAH ATAS (T4 - T5)				
1 MATA PELAJARAN TERAS				
	1.1 Teras:			
	i) Bahasa Melayu	100 murid pertama	RM4,000	
	ii) Bahasa Inggeris	400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM38 seorang murid	
	iii) Pendidikan Islam			
	iv) Pendidikan Moral	500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM36 seorang murid	
	v) Sains			
	vi) Matematik	setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM34 seorang murid	
	vii) Sejarah			
	<i>Jumlah Kecil</i>		0	
2 MATA PELAJARAN WAJIB				
	i) Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	100 murid pertama	RM800	
		400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM7.60 seorang murid	
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM7.20 seorang murid	
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM6.80 seorang murid	
	<i>Jumlah Kecil</i>		0	

BIL.	PCG	KADAR	BIL. MURID (orang)	PERUNTUKAN (RM)
3	LAIN-LAIN (WARGANEGARA SHJ)			
	4.1 Kertas Ujian Dalaman (KUD)	setiap murid	RM10 seorang murid	
	4.2 Kegiatan Pendidikan Islam / Pendidikan Moral (PIM)	setiap murid	RM6 seorang murid	
C.	PCG MATA PELAJARAN MENENGAH ATAS (T6)			
1	MATA PELAJARAN TERAS			
	1.1 Pengajian Am	setiap murid	RM3 seorang murid	
	1.2 Bahasa Melayu	setiap murid	RM3 seorang murid	
	Jumlah Kecil		0	
2	MATA PELAJARAN TAMBAHAN			
	2.1 Bahasa Cina	setiap murid	RM3 seorang murid	
	2.2 Bahasa Tamil	setiap murid	RM3 seorang murid	
	2.3 Bahasa Arab	setiap murid	RM3 seorang murid	
	Jumlah Kecil		0	
6	LAIN-LAIN (WARGANEGARA SHJ)			
	5.1 Kertas Ujian Dalaman (KUD)	setiap murid	RM10 seorang murid	
	5.2 Kegiatan Pendidikan Islam / Pendidikan Moral (PIM)	setiap murid	RM6 seorang murid	
D.	PCG BUKAN MATA PELAJARAN (KELAS PERALIHAN DAN T1 - T6)			
1	PUSAT SUMBER SEKOLAH			
	1.1 Sekolah Menengah	100 murid pertama	RM1,500	
		400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM14 seorang murid	
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM13 seorang murid	
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM12 seorang murid	
	Jumlah Kecil		0	
2	BIMBINGAN & KAUNSELING			
		100 murid pertama	RM600	
		400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RMS.50 seorang murid	
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM5 seorang murid	
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM4.50 seorang murid	
	Jumlah Kecil		0	
3	LPBT/LPK SEKOLAH			
	1.1 Sekolah Menengah Harian	100 murid pertama	RM5,000	
		400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama	RM49 seorang murid	
		500 murid seterusnya selepas 500 murid	RM48 seorang murid	
		setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM47 seorang murid	
	Jumlah Kecil		0	
	1.2 Sekolah Berasrama Penuh / Sekolah Sukan Malaysia / Sekolah Seni Malaysia	setiap murid	RM62 seorang murid	
	1.3 Sekolah Menengah Teknik / Vokasional	setiap murid	RM76 seorang murid	
4	SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL (WARGANEGARA SHJ)	setiap murid	RM1.50 seorang murid	
5	YURAN KHAS SEKOLAH	setiap murid	RM4.50 seorang murid	
	Jumlah Kecil			
JUMLAH KECIL (1)				

BAHAGIAN III : TUNTUTAN PCG MATA PELAJARAN ELEKTIF SEKOLAH MENENGAH HARIAN/SBP/SUKAN/SABK (*Sila isikan ruangan yang berkenaan sahaja*)

BIL.	PCG	TADAR	BIL. MURID (orang)	PERUNTUKAN [*] (RM)
1	BAHASA			
	i) Bahasa Arab ii) Bahasa Cina iii) Bahasa Tamil iv) Bahasa Iban v) Bahasa Kadazendusun vi) Bahasa Semai vii) Bahasa Perancis viii) Bahasa Jepun ix) Bahasa Jerman x) Bahasa Korea xi) Bahasa Cina Komunikasi	100 murid pertama 400 murid seterusnya selepas 100 murid pertama 500 murid seterusnya selepas 500 murid setiap murid seterusnya selepas 1000 murid	RM300 RM2.10 seorang murid RM2 seorang murid RM1.90 seorang murid	
	Jumlah Kecil		0	
2	KEMANUSIAAN & SASTERA IKHTISAS			
	2.1 Ekonomi 2.2 Pembiagaan 2.3 Prinsip Perakaunan 2.4 Pengajian Keusahawanan 2.5 Pendidikan Seni Visual 2.6 Pendidikan Muzik 2.7 Geografi 2.8 Kesusastraan Melayu Komunikatif 2.9 Kesusastraan Inggeris	setiap murid	RM5 seorang murid RM5 seorang murid RM5 seorang murid RM80 seorang murid RM5 seorang murid RM5 seorang murid RM2 seorang murid RM2 seorang murid	
3	PENGAIJIAN ISLAM			
	3.1 Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah 3.2 Pendidikan Syariah Islamiyah 3.3 Tasawur Islam 3.4 Usul Al-Din 3.5 Al-Syariah 3.6 Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah 3.7 Manajih Al-Ulum Al-Islamiah 3.8 Al-Adab Wa Al-Balaghah 3.9 Hitz Al-Quran 3.10 Maharat Al-Quran 3.11 Turath al-Quran dan al-Sunnah 3.12 Turath Bahasa Arab 3.13 Turath Dirasat Islamiah	setiap murid	RM2 seorang murid RM2 seorang murid RM2 seorang murid RM15.50 seorang murid RM15.50 seorang murid RM40.40 seorang murid RM6 seorang murid RM10.40 seorang murid RM22.30 seorang murid RM13.80 seorang murid RM8.90 seorang murid RM10.20 seorang murid RM10.20 seorang murid	
4	STEM (SAINS TULEN DAN MATEMATIK TAMBAHAN)			
	4.1 Fizik 4.2 Kimia 4.3 Biologi 4.4 Matematik Tambahan	setiap murid	RM65 seorang murid RM65 seorang murid RM65 seorang murid RM6 seorang murid	

BIL.	PGG	KADAR	BIL MURID (orang)	PERUNTUKAN (RM)
5	STEM (SAINS GUNAAN & TEKNOLOGI)			
5.1 Sains Tambahan	setiap murid	RM65 seorang murid		
5.2 Grafik Komunikasi Teknikal	setiap murid	RM25 seorang murid		
5.3 Asas Kelestarian	setiap murid	RM25 seorang murid		
5.4 Pertanian	setiap murid	RM35 seorang murid		
5.5 Sains Rumah Tangga	setiap murid	RM30 seorang murid		
5.6 Rekacipta	setiap murid	RM40 seorang murid		
5.7 Sains Komputer	setiap murid	RM65 seorang murid		
5.8 Sains Sukan	setiap murid	RM20 seorang murid		
5.9 Pengajian Elektrik & Eletronik	setiap murid	RM25 seorang murid		
5.10 Pengajian Kejuruteraan Awam	setiap murid	RM25 seorang murid		
5.11 Pengajian Kejuruteraan Jentera	setiap murid	RM25 seorang murid		
6	STEM (MATA PELAJARAN VOKASIONAL - MPV)			
i) Pembinaan Domestik	setiap murid	RM210 seorang murid		
ii) Pendawaian Domestik	setiap murid	RM210 seorang murid		
iii) Hiasan Dalaman	setiap murid	RM210 seorang murid		
iv) Kerja Peip Domestik	setiap murid	RM210 seorang murid		
v) Kimpalan Arka dan Gas	setiap murid	RM210 seorang murid		
vi) Pembuatan Perabot	setiap murid	RM220 seorang murid		
vii) Produksi Reka Tanda	setiap murid	RM220 seorang murid		
viii) Menservis Peralatan Elektrik Domestik	setiap murid	RM220 seorang murid		
ix) Menservis Peralatan Penyejukan Dan Penyamanan Udara	setiap murid	RM220 seorang murid		
x) Menservis Automobil	setiap murid	RM220 seorang murid		
xii) Menservis Motosikal	setiap murid	RM220 seorang murid		
xiii) Rekaan Dan Jahitan Pakai	setiap murid	RM220 seorang murid		
xv) Katering Dan Penyajian	setiap murid	RM220 seorang murid		
xvi) Penjagaan Muka Dan Penggayaan Rambut	setiap murid	RM220 seorang murid		
xvii) Asuhan & Pendidikan Awal Kanak-Kanak	setiap murid	RM220 seorang murid		
xviii) Pemprosesan Makanan	setiap murid	RM220 seorang murid		
xix) Gerontologi Asas dan Geriatrik	setiap murid	RM220 seorang murid		
xx) Lanskap dan Nurseri	setiap murid	RM220 seorang murid		
xxi) Tanaman Makanan	setiap murid	RM220 seorang murid		
xxii) Akuakultur Dan Haiwan Rekreasi	setiap murid	RM220 seorang murid		
xxiii) Produksi Multimedia	setiap murid	RM180 seorang murid		
xxiv) Reka Bentuk Grafik Digital	setiap murid	RM180 seorang murid		

BIL.	PGG	KADAR	BIL MURID (orang)	PERUNTUKAN (RM)
8	ALIRAN KEMAHIRAN (PVMA)			
	i) Pendawaian Elektrik	setiap murid	RM900 seorang murid	
	ii) Dekorasi Dalamans	setiap murid	RM700 seorang murid	
	iii) Pembuatan Perabot	setiap murid	RM780 seorang murid	
	iv) Penyejukbekuhan dan Penyamanan Udara	setiap murid	RM952 seorang murid	
	v) Automotif	setiap murid	RM980 seorang murid	
	vi) Motosikal	setiap murid	RM910 seorang murid	
	vii) Membuat Pakaian	setiap murid	RM720 seorang murid	
	viii) Penyediaan Makanan	setiap murid	RM1,120 seorang murid	
	ix) Seni Kecantikan	setiap murid	RM560 seorang murid	
	x) Tanaman	setiap murid	RM700 seorang murid	
	xi) Akuakultur	setiap murid	RM630 seorang murid	
	xii) Visual dan Animasi	setiap murid	RM600 seorang murid	
9	MATA PELAJARAN ELEKTIF STPM			
	3.1 Sains Tulen			
	i) Physics	setiap murid	RM30 seorang murid	
	ii) Chemistry	setiap murid	RM30 seorang murid	
	iii) Biology	setiap murid	RM30 seorang murid	
	3.2 Pengajian Islam			
	i) Syariah	setiap murid	RM3 seorang murid	
	ii) Usuluddin	setiap murid	RM3 seorang murid	
	ii) Tahfiz STPM	setiap murid	RM27.50 seorang murid	
	3.3 Saslera Iktisas			
	i) Ekonomi	setiap murid	RM5 seorang murid	
	ii) Pengajian Perniagaan	setiap murid	RM5 seorang murid	
	iii) Perakaunan	setiap murid	RM5 seorang murid	
	3.4 Kemanusiaan			
	i) Sejarah	setiap murid	RM3 seorang murid	
	ii) Geografi	setiap murid	RM3 seorang murid	
	iii) Kesusastraan Melayu Komunikatif	setiap murid	RM3 seorang murid	
	iv) Literature in English	setiap murid	RM3 seorang murid	
	v) Seni Visual	setiap murid	RM5 seorang murid	
	vi) Sains Sukan	setiap murid	RM20 seorang murid	
	3.5 Teknologi			
	i) Mathematics (M)	setiap murid	RM6 seorang murid	
	ii) Mathematics (T)	setiap murid	RM6 seorang murid	
	iii) Information and Communication Technology	setiap murid	RM65 seorang murid	
	3.6 Malaysian University English Test (MUET)	setiap murid	RM3 seorang murid	

SIRI	PCG	KADAR	BIL. MURID (orang)	PERUNTUKAN* (RM)
10	MATA PELAJARAN ELEKTIF STAM			
	i) <i>Tauhid</i>	setiap murid	RM10.40 seorang murid	
	ii) <i>Hadith dan Mustolah Hadith</i>	setiap murid	RM5 seorang murid	
	iii) <i>Tafsir dan Ulumuhu</i>	setiap murid	RM5 seorang murid	
	iv) <i>Mantiq</i>	setiap murid	RM5 seorang murid	
	v) <i>Fiqh</i>	setiap murid	RM10.40 seorang murid	
	vi) <i>Hizb Al-Quran dan Tajwid</i>	setiap murid	RM3.20 seorang murid	
	vii) <i>Nahu</i>	setiap murid	RM10.40 seorang murid	
	viii) <i>Sarf</i>	setiap murid	RM5 seorang murid	
	ix) <i>Insya'</i>	setiap murid	RM9.40 seorang murid	
	x) <i>Mutala'ah</i>	setiap murid	RM9.40 seorang murid	
	xi) <i>Adab dan Nusus</i>	setiap murid	RM9.40 seorang murid	
	xii) <i>'Amdah dan Qafiyah</i>	setiap murid	RM3.40 seorang murid	
